

Majalah **Samudera**



Edisi 2/19



ARMADA SIAGA **TLDL PERKASA**

Majalah Rasmi Tentera Laut Diraja Malaysia



ISSN 0127-6700



SETINGGI-TINGGI TAHNIAH & TERIMA KASIH

TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA

**ATAS SEGALA PENGORBANAN MELINDUNGI
DAN MEMPERTAHANKAN PERAIRAN MALAYSIA,
NEGARA BERTUAH INI**

“SELAMAT HARI TLDM KE-85”

DENGAN IRINGAN DOA
& INGATAN TULUS IKHLAS

**YOUR RELIABLE
STRATEGIC ALLIANCE**




BUDI AXIS SDN BHD (836389-H)
SUITE B1-17, MEGAN AMBASSY, 225 JALAN AMPANG, 50450 KUALA LUMPUR
T 03-2171 2525, 03-2171 2727 F 03-2166 1717 E enquiry@budiaxis.com

KANDUNGAN

FOKUS	6
<i>Hari TLDM – Armada Siaga TLDM Perkasa</i>	
LENSA LIMA '19	8
<i>Segmen Maritim</i>	
RENCANA	12
<i>Malaysia Negara Maritim-Kepentingan Peranan Tadbir Urus Lautan</i>	
SIAGA	16
<ul style="list-style-type: none"> <i>Personal Integrated Protection System-Peralatan Lengkap Pasukan Geledah</i> <i>Bot Tempur 217 Selamatkan 5 Mangsa Bot Karam di Perairan Sandakan</i> <i>5th Trilateral Maritime Patrol Port Visit di Tarakan, Indonesia Mengeratkan Hubungan 3 Negara</i> <i>KD SRI GAYA dan BRP Anastacio Laksanakan Rondaan dan Latihan Bersama</i> <i>Kapal TLDM Sertai Eksesais Aman 2019 di Laut Arab</i> <i>Naming and Launching LMS 1 'KERIS'</i> 	
PENULIS TAMU	22
<i>Membelah Samudera, Mengharungi Gelora</i>	
TRED	24
<i>Alunan Muzik Penyemarak Semangat</i>	
SNAPSHOT	26
<i>Fennec terlibat dengan LIMA Sea Exercise di Perairan Selat Melaka Utara</i>	
THE NAVY PEOPLE	30
<i>Wajah-Wajah the Navy People</i>	
ADAT & TRADISI	32
<i>Loceng Kapal</i>	
UNSUNG HERO	34
<i>808574 PW I PAP (Gl) Ibrahim bin Zaini</i>	
VETERAN	36
<i>Dari Meja Lipat Fadzli Pengusaha Katering yang Dikagumi</i>	

KD LEKIU semasa
LIMA Sea Exercise
di perairan
Selat Melaka Utara.

Foto: Shahrizal Md Noor,
Jurugambar
New Straits Times



SEJARAH	38
----------------	-----------

HMS Prince of Wales

BAKAT	40
--------------	-----------

- Bantuan Pendidikan Program Tutor Anak-Anak the Navy People Anjuran Bakat Laut*
- Program Tamunita Sempena LIMA'19*

DIDIK	42
--------------	-----------

Peningkatan Taraf Akademik: Anjakan Paradigma Pembangunan Modal Insan

SUKAN	44
--------------	-----------

LEKAS Memperkasa Sukan TLDM

SIHAT	46
--------------	-----------

Elak Risiko Maut Dengan Saringan Awal Psikologi Selam Skuba

PSSTLDM	48
----------------	-----------

Inisiatif Bahagian Pasukan Simpanan TLDM

BERITA	50
---------------	-----------

- Lencana Kepakaran Pegawai Bekalan dan Ursus Setia*
- TLDM dan Hidup Anjur Program Jiwa Murni*
- Military Archeology: Pendedahan Baharu Buat TLDM*
- Seminar Pegawai Bekalan dan Urusetia.*

GALLEY	52
---------------	-----------

Mi Goreng Mamak 'Gagah'

SANTAI	53
---------------	-----------

- Cari Barang Tersembunyi*
- Jawapan Uji Minda Siri 1/19*
- Cuit-cuit*



Kept Fadhil bin Abdul Rahman TLDM

Para pembaca yang dihormati, Samudera edisi ini menyajikan paparan istimewa bersempena sambutan Hari TLDM yang ke-85 pada 27 April 2019, tarikh keramat buat semua #navypeople. Lebih 85 tahun yang lalu telah dimulakan satu langkah penting yang menjadi asas kepada kewujudan serta pencapaian TLDM hari ini. Tema Hari TLDM tahun ini, *Armada Siaga TLDM Perkasa* adalah amat bertepatan dengan segala usaha serta inisiatif yang telah dan sedang dijalankan dalam menjadikan TLDM sebagai benteng unggul pertahanan negara.

Majalah Samudera edisi ini turut memaparkan beberapa aktiviti besar yang telah berlangsung sejak awal tahun. Antara yang menarik adalah LIMA '19 yang diadakan di Langkawi, di mana berkat komitmen dan kerjasama yang tinggi #navypeople dari semua peringkat telah menyaksikan LIMA'19 sebagai antara pameran pertahanan yang terbaik pernah dianjurkan di rantau ini. Pengajuran *National Maritime Conference* 2019 di dalam LIMA'19 pula telah berjaya membuka jalan ke arah memantapkan lagi tadbir urus lautan negara serta kolaborasi di kalangan agensi maritim, seperti mana disarankan oleh YAB Perdana Menteri sewaktu merasmikannya.

Saya serta Tim Editorial Samudera ingin menzahirkan penghargaan kami kepada para penyumbang artikel dan gambar untuk edisi ini. Kami sentiasa mengalukan komen dan cadangan anda dalam meningkatkan kualiti Majalah Samudera. Akhir kata, khas untuk #navypeople, selamat menyambut Hari TLDM ke-85.

SEDIA BERKORBAN

Samudera

SIDANG REDAKSI



PENAUNG/PENASIHAT

Laksdy Datuk Khairul Anuar bin Yahya

KETUA EDITOR

Kept Fadhil bin Abdul Rahman TLDM

EDITOR

Kdr Mohamed Noorjais bin Abdul Jalil TLDM

Lt Kdr Mohd Fazwan bin Sulaiman TLDM

Lt Kdr Norma Hanim binti Pandak Mahashim TLDM

PW I PRL Normahaily binti Mohd Nor

PW II KOM Shapilin bin Dolmat

BM TLR Mohamad Asri bin Md Zlan

BM TLR Suhairi bin Hj Mohamed Ali

Lt Dya Ahmad Fauzan bin Rathuan @ Radzuan PSSTLDM

REKA BENTUK

Surianti binti Hasan

ALAMAT

Sidang Redaksi Majalah Samudera

PUSMAS TLDM

(RMN Sea Power Centre)

Jalan Sultan Yahya Petra

54100 KUALA LUMPUR

Tel: 03 - 2202 7260

Emael: majalahsamuderatldm@navy.mil.my

Majalah Samudera diterbitkan empat kali setahun oleh PUSMAS TLDM dan diedarkan secara PERCUMA. Majalah Samudera mengalu-alukan sumbangan rencana, berita, gambar, cerpen, puisi dan seumpamanya yang berorientasikan 'Wadah Informasi the Navy People'.

Mohon Sekarang!!!

PEMBIAYAAN YURAN KOPERASI TENTERA

90%
*Dari Yuran
Terkumpul*

Dari RM500 sehingga RM100,000 atau 90%
dari yuran terkumpul, mana yang lebih rendah.



6 - 120 Bulan
Tempoh Pembiayaan

3 Hari Lulus Dalam
Bekerja

Syarat :

- Yuran kumulatif yang terkumpul digunakan sebagai cagaran (Konsep Ar-Rahnu).
- Pemohon telah membayar yuran bulanan untuk tempoh yang minimum iaitu 6 bulan bagi anggota baharu atau 12 bulan bagi kemasukan semula. Keanggotaan telah disahkan dalam tempoh yang sama.

*Tertakluk kepada terma & syarat

KUNJUNGI CAWANGAN KT BERHAMPIRAN ANDA ATAU
HUBUNGKAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT

1-300-8000-58



ARMADA SIAGA TLDM PERKASA

Oleh: Kdr Mohamed Noorjais bin Abdul Jalil TLDM

Tanggal 27 April 2019, genaplah usia 85 tahun TLDM ditubuhkan yang bermula dengan penubuhan *Straits Settlement Royal Naval Volunteer Reserve* (SSRNVR) pada tahun 1934 dan telah ditukarkan kepada *Malayan Royal Naval Volunteer Reserve* (MRNVR) apabila Perang Dunia ke-2 meletus pada tahun 1939. Ia dianggotai oleh 400 pemuda dan bertambah menjadi 1,450 orang pada akhir tahun 1941. Unit ini telah berkhidmat di bawah Tentera Laut British di Lautan Hindi dan Lautan Pasifik semasa Perang Dunia ke-2.

Pada tahun 1949, kesedaran terhadap perlunya mempunyai pasukan tentera lautnya sendiri menyebabkan *The Malay Section of the Royal Navy* ditubuhkan semula dengan nama *Malayan Naval Force*. Unit ini telah dianugerahkan status Diraja oleh Ratu Elizabeth II pada 23 Mei 1952 dan secara rasminya dinamakan Tentera Laut Diraja Malaya. Seterusnya pada 1 Julai 1958, Kerajaan British telah menyerahkan Tentera Laut Diraja Malaya kepada Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

Lanjutan daripada penubuhan Malaysia pada 16 September 1963, nama Tentera Laut Diraja Malaya turut ditukar kepada Tentera Laut Diraja Malaysia. Manakala pada 12 Mac 1966, Tentera Laut Diraja Malaysia telah dianugerahkan dengan Panji-panji Diraja oleh SPB Yang Dipertuan Agong, Tuanku Ismail Nasiruddin Shah ibni Al-Marhum Sultan Zainal Abidin. Ia merupakan simbol kebanggaan, kesetiaan serta pengorbanan TLDM demi Raja dan negara.

Hari ini TLDM telah melangkah jauh ke hadapan melintasi beberapa fasa pembangunannya yang menyaksikan peningkatan keupayaan angkatan ini terus dipertingkatkan. Menyambut ulang tahunnya yang ke-85, TLDM terus mengatur langkah untuk mempertingkatkan keupayaannya melalui program-program pembangunan menyeluruh yang disusun rapi. Antara program yang sedang giat berjalan adalah:

Littoral Combat Ship (LCS). Perolehan 6 buah kapal LCS yang dibina oleh syarikat Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd (BNSSB). Pelancaran LCS pertama iaitu MAHARAJA LELA

telah dilaksanakan pada 24 Ogos 17 yang dijangka akan diserahkan kepada TLDM pada tahun 2021.

Littoral Mission Ship (LMS). Perolehan 4 buah LMS yang sedang giat dibina dengan kerjasama BNSSB dengan syarikat *China Shipbuilding & Offshore International Co. Ltd* (CSOC). LMS yang pertama telah dilancarkan dan dinamakan KERIS pada 15 April 2019 di limbungan kapal Wuhan, China dan dijangka akan diserahkan kepada TLDM pada penghujung tahun ini.

Beberapa lagi keupayaan serta aset baru telah diusulkan dan sedang dalam pertimbangan kerajaan. Sementara itu, aset-aset sedia ada perlu terus diselenggarakan dengan baik. Panglima Tentera Laut, Laksamana Datuk Mohd Reza bin Mohd Sany, di dalam amanat ulungnya sebaik mengambil alih teraju kepimpinan TLDM penghujung tahun lalu, telah menegaskan keutamaan beliau dalam aspek kesiagaan Armada TLDM. Antara lain, program modernisasi ke atas aset sedia ada akan diberikan keutamaan antaranya melibatkan Skuadron Korvet Ke-24, Skuadron Penangkis Periuk Api Ke-26 serta Skuadron Kapal Ronda Ke-17.

Selain dari itu, keupayaan modal insan akan terus dipertingkatkan. Pengenalan peralatan dan sistem dengan teknologi terkini dari semasa ke semasa memerlukan anggota yang benar-benar terlatih dan berpengetahuan untuk mampu mengendalikannya dengan berkesan. Begitu juga dengan persekitaran operasi maritim yang semakin kompleks dan mencabar.

Program modenisasi ke atas aset sedia ada akan diberikan keutamaan antaranya melibatkan Skuadron Korvet Ke-24, Skuadron Penangkis Periuk Api Ke-26 serta Skuadron Kapal Ronda Ke-17.

TLDM sebagai benteng pertahanan hadapan negara perlu sentiasa dipertingkatkan keupayaannya di dalam semua aspek agar kekal efektif, kredibel dan relevan. Sesungguhnya, kemakmuran dan kesejahteraan yang dikecapai selama ini telah banyak disumbangkan oleh TLDM. Pencapaian cemerlang yang telah ditunjukkan oleh TLDM sama ada di dalam negara maupun di persada antarabangsa wajar menjadi kebanggaan kita bersama. Sejarah dengan cogan katanya ‘Sedia Berkorban’, TLDM akan terus cemerlang sebagai sebuah angkatan laut yang ampuh.



SEGMENT MARITIM

Penganjuran LIMA '19 memberi peluang kepada orang ramai melihat lebih dekat aset dan keupayaan dari pelbagai agensi keselamatan maritim Malaysia. Segmen pameran khasnya menonjolkan kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa bahawa Malaysia adalah sebuah negara maritim dan aktiviti maritim adalah penyumbang utama kepada ekonomi negara.

Foto: Cawangan Komunikasi Strategik MkTL dan Air Times





1 FUN RIDE & FUN RUN LIMA '19

Fun Ride & Fun Run LIMA'19 dianjurkan buat julung kali membabitkan lebih 400 peserta daripada kalangan warga kapal TLDM dan tentera laut negara asing, agensi-agensi tempatan serta petugas-petugas LIMA'19 pada 28 Mac.

2 FLEET CULTURAL & FOOD FESTIVAL NIGHT

Fleet Cultural & Food Festival Night berlangsung pada 29 Mac di Grand Ball Room, Resort World Langkawi melibatkan 12 buah negara iaitu Australia, Bangladesh, Brunei, China, India, Indonesia, Jepun, Malaysia, South Korea, Sri Lanka, Thailand dan Vietnam.

3 PERSIDANGAN MARITIM KEBANGSAAN 2019

Persidangan Maritim Kebangsaan 2019 telah dilaksanakan di Resort World Langkawi pada 27 Mac yang disertai 150 peserta mewakili pelbagai organisasi maritim, termasuk institusi pengajian tinggi serta komuniti maritim tempatan.

4 CHIEF OF NAVIES' ROUNDTABLE TALK

Chief of Navies' Roundtable Talk telah berlangsung di Mahsuri International Exhibition Centre pada 29 Mac. Persidangan ini merupakan sebuah forum eksklusif yang disertai Panglima-panglima Tentera Laut antarabangsa bagi berkongsi maklumat berkaitan isu maritim dan keupayaan tentera laut.

5 PAMERAN STATIK

Buat julung kalinya semua agensi penguatkuasaan maritim dan penyelidikan berganding bahu melaksanakan pameran statik di dalam satu lokasi. Agensi yang terlibat adalah:

- i. Tentera Laut Diraja Malaysia
- ii. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)
- iii. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)
- iv. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)
- v. Jabatan Perikanan Malaysia
- vi. Insititut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE)
- vii. Universiti Malaysia Terengganu (UMT)





7



8



9



10

6 LIMA SEA EXERCISE 2019

LIMA Sea Exercise 2019 (LSX'19) dilaksanakan bagi mempertingkat keupayaan operasi bersama dan mengeratkan hubungan antara tentera laut yang menyertai LIMA'19. Eksesais berlangsung di sekitar perairan Selat Melaka Utara pada 31 Mac melibatkan 14 buah kapal TLDM, 4 kapal APMM dan 14 buah kapal tentera laut negara asing.

7 DEMONSTRASI MARITIM

Demonstrasi Bot Maritim berkoncepkan *Inter-Agency Coordinated Rescue Mission* iaitu demonstrasi menyelamat tebusan dan demonstrasi Keupayaan Tim Elit oleh asset dari TLDM, APMM, JKDM, Pasukan Gerakan Marin Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Perikanan Malaysia.

8 BOAT RIDE

Pengunjung-pengunjung bertuah dan pemenang pertandingan harian anjuran Segmen Maritim berpeluang menaiki Bot Tempur TLDM dan RHIB belayar di sekitar perairan Langkawi sambil melihat kapal perang yang bersauh.

9 LAWATAN KAPAL

Orang ramai tidak melepaskan peluang mengunjungi kapal yang dibuka untuk lawatan setiap hari di Jeti Star Cruise, Resort World Langkawi.

10 FLEET REVIEW

Fleet Review dilaksanakan pada 27 Mac sebagai acara tradisi yang menjadi kebanggaan tentera laut. Fleet Review LIMA'19 telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir bin Mohamad.



MALAYSIA NEGARA MARITIM

KEPENTINGAN PERANAN TADBIR URUS LAUTAN

Oleh: Wan Izatul Asma Wan Talaat, Ph.D

Malaysia adalah sebuah negara maritim yang dikelilingi 4 laut utama-Selat Melaka dan Laut Andaman di bahagian barat dan utara Semenanjung, Laut China Selatan di tengah-tengah antara Semenanjung dan Sabah dan Sarawak, dan Laut Sulu-Sulawesi di bahagian utara dan timur Sabah. Malaysia memiliki keluasan ruang maritim dua kali ganda lebih besar dari daratan dengan kawasan perairan seluas 65,035km² dan Zon Eksklusif Ekonomi seluas 569,845km². Pantai Malaysia yang sangat indah, mempunyai garis pantai sepanjang 6,037km, merupakan tempat tumpuan penempatan penduduk yang menjalankan pelbagai aktiviti ekonomi.

SEJARAH MARITIM MALAYSIA

Kewujudan dan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara maritim dapat disusur galur kepada beberapa empayar kerajaan melayu lama - antaranya Kerajaan Langkasuka atau Kedah Lama seawal Kurun ke-2 Masih dan Kesultanan Melayu Melaka. Kegemilangan Melaka sebagai pelabuhan utama pada Kurun ke-15 Masih dengan gelaran Emporium Timur berpunca dari kedudukan geografinya yang strategik di Selat Melaka menghubungkan perdagangan antara dunia Timur dan Barat. Hasil tempatan dan serantau seperti rempah ratus, bijih timah, emas, hasil hutan termasuk herba turut menjadikannya sebagai sebuah hub perdagangan

antarabangsa pada masa itu.

Sistem pentadbiran dan perdagangan yang tersusun telah diwujudkan oleh Kesultanan Melayu Melaka di mana sebuah kumpulan petugas khas bagi mengawasi kegiatan perdagangan telah ditubuhkan dengan diketuai oleh Syahbandar. Syahbandar bertanggungjawab untuk memastikan pedagang-pedagang yang singgah di pelabuhan Melaka menikmati pelbagai kemudahan seperti gudang, tempat untuk berniaga dan fasiliti pembaikan kapal. Semua kemudahan yang disediakan dengan sistem cukai perdagangan yang teratur, telah meningkatkan populariti Melaka sebagai pusat perdagangan serantau dan antarabangsa sehingga menimbulkan minat negara-negara Eropah untuk menguasai perdagangan di Melaka. Kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511 merupakan titik tolak kejatuhan kuasa perdagangan Melaka dan ini membuktikan bahawa kehilangan kuasa politik turut menyebabkan kemerosotan kuasa perdagangan.

Terengganu juga merupakan sebuah kerajaan pesisir air yang gemilang pada suatu ketika dahulu. Kapal-kapal yang dibina di negeri ini digunakan oleh pedagang tempatan untuk berlayar ke Siam untuk berdagang garam dan atap senggora. Sehingga kini, seni kemahiran pembuatan kapal tradisional masih dikuasai beberapa tukang tempatan yang mendapat tempahan eksklusif termasuk dari luar negara.

BLUE ECONOMY

Sebagai sebuah negara maritim, kebergantungan Malaysia ke atas lautan meliputi hampir kesemua sektor ekonomi terutamanya makanan, perdagangan, pengangkutan, tenaga dan juga pelancongan. Sumber perikanan adalah antara penyumbang besar kepada ekonomi negara sejak sekian lama. Aktiviti perikanan memberi pulangan lumayan sebanyak RM 8 bilion setahun dengan tangkapan yang mencecah 1.4 juta ton metrik. Jumlah ini tanpa mengambil kira kerugian sebanyak RM 6 bilion setahun kepada perikanan secara haram atau lebih dikenali sebagai Illegal, Unreported and Unregulated Fishing (IUU Fishing) di Pantai Timur Semenanjung sahaja. Kedudukan strategik negara kita yang terletak di tengah-tengah laluan utama kapal dengan kawasan lautan luas yang kaya dengan pelbagai sumber asli turut menawarkan pelbagai nilai strategik dari aspek persekitaran dan sosio-ekonomi kepada negara. Malaysia berada di tengah-tengah peta perdagangan maritim yang membuka peluang kepada perdagangan antarabangsa di mana 90% daripadanya menggunakan laluan laut. Sebagai selat kedua tersibuk di dunia selepas Selat Dover, Selat Melaka memainkan peranan yang penting di dalam industri pelabuhan dan perkapalan dan berupaya meletakkan Malaysia sebagai hub utama perdagangan antarabangsa. Pantai dan pulau yang indah juga membawa jutaan pelancong dari pelusuk dunia. Sumber asli lain seperti petroleum dan gas serta bahan galian turut merupakan sumber untuk pembangunan ekonomi negara.

Di bawah konsep *Blue Economy*, memandangkan kesemua sektor

berkaitan maritim ini penting kepada pembangunan ekonomi negara, eksloitasi sumber-sumber maritim ini perlu dijalankan dan diuruskan secara mampan. *Blue Economy* secara umumnya merujuk kepada eksloitasi dan pemeliharaan persekitaran lautan dan mengikut takrifan World Bank, ia merujuk secara khusus kepada penggunaan sumber lautan secara mampan bagi tujuan perkembangan ekonomi, peningkatan mata pencarian dan pekerjaan seiring dengan pemeliharaan ekosistem lautan.

Pendek kata, eksloitasi sumber asli maritim demi pembangunan ekonomi tidak sepatutnya dilaksanakan secara rakus dan mestilah berpandukan kepada prinsip pembangunan mampan iaitu pembangunan yang memenuhi keperluan semasa tanpa menjejaskan keupayaan generasi akan datang memenuhi keperluan mereka. Oleh yang demikian, di dalam usaha mengeksplor dan mengoptima penggunaan lautan dan sumber marin negara, aspek pemeliharaan persekitaran marin perlu diberi pertimbangan serius.

Di dalam usaha mengimbangi pembangunan ekonomi dan pemeliharaan persekitaran lautan, perlu juga diambil kira senario semasa di mana ekosistem dan biodiversiti lautan kita sedang diancam pelbagai tekanan semula jadi seperti perubahan iklim dan pemanasan global selain isu-isu berkaitan keselamatan makanan, air dan tenaga. Oleh yang demikian, selari dengan *Sustainable Development Goals* yang dipersetujui di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Malaysia perlu melaksanakan konsep *Blue Economy* supaya dapat memainkan peranan kita di dalam mencapai Agenda 2030.

Di bawah konsep *Blue Economy*, perancangan dan pengurusan ruang maritim perlu dibuat secara tersusun dengan mengambil kira pelbagai faktor dan parameter alam sekitar. Sektor utama seperti perikanan dan akuakultur, pelabuhan dan perkapalan, eksplorasi dan eksplotasi petroleum dan galian, serta pembangunan tenaga lautan perlu dirancang dengan teliti dengan mengambil kira isu-isu utama seperti pencemaran, kesihatan ekosistem lautan dan perikanan mampan di bawah Goal 14 (Life Under Water).

CABARAN

Di sebalik pelbagai peluang meningkatkan ekonomi di bawah *Blue Economy*, tidak dapat dinafikan terdapat pelbagai cabaran maritim yang mengancam keselamatan negara. Oleh yang demikian, isu-isu keselamatan maritim perlu ditangani dengan segera secara strategik. Kedinamikan persekitaran geopolitik maritim serantau telah menjangkau melebihi ancaman tradisional seperti pergolakan persempadanan maritim kepada ancaman bukan tradisional seperti lanun, penyeludupan, aktiviti keganasan, IUU Fishing (serta jenayah bersekutunya seperti pemerdagangan manusia dan pemalsuan dokumen) dan juga ancaman terhadap ekosistem lautan seperti perubahan iklim dan pemanasan global serta pencemaran dari aktiviti perkapalan dan pencemaran yang berpunca dari daratan.

Kesemua ancaman maritim ini memberi tekanan yang besar ke atas aktiviti ekonomi dan secara langsung menjelaskan jumlah





pendapatan negara. Sebagai contoh, pencerobohan oleh bot nelayan asing telah mengakibatkan negara kehilangan pendapatan hasil dari tangkapan ikan di perairan negara selain daripada kerosakan ekosistem marin kita yang sukar untuk dipulihkan. Dianggarkan Malaysia mengalami kerugian hasil tangkapan sebanyak RM6 bilion setiap tahun (di pantai timur Semenanjung sahaja) akibat daripada aktiviti IUU Fishing tanpa mengambil kira kos baik pulih ekosistem marin yang rosak akibat penggunaan kaedah peralatan tangkapan yang tidak mampar seperti pukat tunda dan bom ikan.

KEPENTINGAN TADBIR URUS LAUTAN YANG CEKAP BAGI SEBUAH NEGARA MARITIM

Dengan mengambil kira peluang dan cabaran ke atas Malaysia sebagai sebuah negara maritim, telah wujud keperluan untuk melihat semula pendekatan yang diambil dalam mengurus ruang maritim dan sumber laut negara. Pada masa ini, terdapat tidak kurang daripada 15 Akta dan Perintah, yang diletakkan di bawah lebih 10 kementerian dan 31 agensi untuk mengurus hal ehwal berkaitan maritim. Oleh sebab itu, tadbir urus lautan di Malaysia mungkin tidak secekap seperti yang diharapkan dengan wujudnya pertindihan bidang kuasa antara pelbagai agensi di dalam mengurus hal ehwal maritim.

Tanpa perlu merenung jauh, kepelbagaian undang-undang

yang ditadbir oleh pelbagai agensi ini boleh membawa kepada penggunaan sumber yang tidak cekap sama ada dari segi kewangan, peralatan dan juga manusia. Pertindihan bidang kuasa juga boleh membawa kepada penguatkuasaan yang kurang cekap. Oleh itu, dengan adanya pelbagai tekanan ke atas keselamatan maritim, telah tiba masanya agar kesemua agensi berkaitan maritim bekerjasama dengan mengambil pendekatan bersepada di dalam menyelaras proses kerja untuk mengukuhkan penguatkuasaan maritim.

Oleh yang demikian, keperluan sebuah kerangka tadbir urus lautan yang cekap perlu diwujudkan bermula dengan sebuah Dasar Lautan atau Dasar Maritim sebagaimana yang telah diisytiharkan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri Malaysia semasa LIMA '19. Dasar Lautan yang menyeluruh dan mencakupi semua aspek maritim iaitu keselamatan, kesejahteraan ekonomi dan pemeliharaan alam sekitar, perlu digubal segera bagi memastikan kedaulatan dan hak berdaulat Malaysia sebagai sebuah negara maritim terpelihara.

Sehubungan dengan itu juga, sebuah badan pusat di peringkat kebangsaan juga perlu diwujudkan bagi menyelaras kesemua hal ehwal maritim antara pelbagai agensi berkaitan maritim yang sedia ada. Tadbir urus lautan yang cekap dapat memastikan penggunaan sumber negara, dari segi kewangan,

peralatan dan juga manusia, dapat dioptimumkan untuk hasil yang maksima. Berbalik kepada konsep *Blue Economy* dan *Maritime Domain Awareness*, pengurusan laut di Malaysia mesti berpandukan kepada mengimbangi penggunaan laut secara mampan untuk membangunkan ekonomi negara tanpa mengorbankan keperluan untuk menjaga keselamatan maritim dan memelihara persekitaran lautan. Oleh itu, melalui tadbir urus lautan, *Maritime Domain Awareness* antara agensi berkaitan maritim dapat dipertingkatkan dengan mengelakkan karenah birokrasi di dalam perkongsian data *Intelligent, Surveillance and Reconnaissance*.

Sebagai rumusan, tadbir urus lautan yang cekap perlu diwujudkan bagi mencapai aspirasi Malaysia Negara Maritim. Dengan adanya sebuah dasar maritim yang menyeluruh dan badan penyelaras semua hal ehwal maritim negara yang membentuk kerangka tadbir urus lautan yang cekap, Malaysia akan dapat memastikan penglibatan aktif daripada pelbagai komuniti maritim dalam membantu kerajaan meningkatkan pembangunan ekonomi negara di samping memastikan kedaulatan dan hak berdaulat negara terpelihara.

Penulis adalah Profesor Undang-undang dan Ketua Program Penyelidikan Tadbir Urus Lautan dari Institut Oseanografi dan Sekitaran, Universiti Malaysia Terengganu.

ISTIMEWA UNTUK ANDA, WARGA ATM!



Promosi Mai Beli

- ✓ Promosi hujung bulan
- ✓ Harga istimewa 7 hari



Produk Rendah Sepanjang Masa (RSM)

- ✓ Promosi sepanjang tahun
- ✓ Pelbagai pilihan barang
- ✓ Jimat sepanjang masa

Berbelanjalah dengan kami di PERNAMA



Promosi Jom Rabu

- ✓ Promosi setiap hari Rabu
- ✓ Harga istimewa pertengahan minggu



PERNAMA
Create
4-6 BIASA

PERSONAL INTEGRATED PROTECTION SYSTEM – PERALATAN LENGKAP PASUKAN GELEDAH

Oleh: PW I PAP (GI) Abdullah Hasnawi Abdul Manaf

Setiap kali Latihan Penyesuaian Laut dilaksanakan di kapal-kapal, pasti ada persoalan yang timbul di kalangan krew kapal yang masih lagi belum mengetahui apa itu *Personal Integrated Protection System* (PIPS).

PIPS merupakan kelengkapan untuk melaksanakan operasi mengeledah oleh Pasukan Geledah TLDM dalam menangani ancaman terutamanya *asymmetric* dan *non-conventional*. Pasukan Geledah perlu diatur gerak dengan pantas dan dilengkapi dengan peralatan PIPS yang bersesuaian agar operasi dapat dilaksanakan dengan efektif serta mengurangkan risiko keselamatan kepada anggota yang terbabit.



Selaras dengan keperluan ini, pembekalan peralatan PIPS kepada kapal-kapal TLDM telahpun dilaksanakan melalui depot-depot bekalan TLDM dengan menggunakan Kuasa Perolehan Sementara. Satu kajian telah dibuat dengan menetapkan sebanyak 13 peralatan PIPS yang bersesuaian untuk kegunaan pasukan geledah. Setiap kapal termasuk Pangkalan Laut dibekalkan dengan lapan set peralatan PIPS.

Pakaian berserta peralatan PIPS ini dapat meningkatkan tahap keselamatan serta memberikan keyakinan kepada setiap anggota yang terbabit dengan sebarang operasi mengeledah. Di samping itu keterampilan dan kesiagaan anggota dapat dipamerkan dengan lebih berkesan yang secara langsung menyumbang kepada kejayaan operasi yang dijalankan.

BOT TEMPUR 217 SELAMATKAN 5 MANGSA BOT KARAM DI PERAIRAN SANDAKAN

Oleh: Lt Dya Elizabeth Ann James PSSTLDM

Foto: LK I PAP Muhammad Hazwan Hamimi Hamdan

Pada 1 Mac 2019, Bot Tempur CB 217 yang pada ketika itu sedang melaksanakan rutin rondaan dan latihan di perairan Sandakan telah menyelamatkan lima orang mangsa bot karam.

Sewaktu kejadian, anggota TLDM yang sedang bertugas telah melihat mangsa

yang terdiri daripada tiga orang lelaki dan dua wanita melambai ke arah CB 217. Pada ketika itu, bot berada kira-kira 5 batu nautika Timur Laut Pulau Nunuyan, Sandakan. Kelima-lima mangsa telah berjaya diselamatkan dan dibawa pulang ke Tambatan Pangkalan Sandakan.

Menurut keterangan salah seorang mangsa, Idaris Ismail, bot mereka yang dalam pelayaran dari Pulau Taganak menuju ke Sandakan telah terbalik akibat keadaan laut yang bergelora. Kesemua 11 orang mangsa telah tercampak ke dalam air dalam kejadian pada 28 Februari 2019 kira-kira jam 6 petang.

Sejurus tiba di Tambatan Pangkalan Sandakan, kelima-lima mangsa yang selamat telah diberikan rawatan kecemasan oleh Pasukan Perubatan daripada Hospital Dutches of Kent (HDOK) Sandakan. Kesemua mangsa berada dalam keadaan lemah kerana telah hanyut dan berpaut pada bot yang terbalik selama lebih 18 jam.

Operasi Mencari dan Menyelamat (OP CARILAMAT) bagi mencari baki mangsa yang dipercayai telah hanyut dibawa arus dihentikan pada 4 Mac 2019 apabila lima mayat mangsa berjaya ditemui. Seorang mangsa tidak berjaya ditemui, disyaki telah melarikan diri berkemungkinan kerana mangsa tiada pengenalan diri yang sah. OP CARILAMAT tersebut turut melibatkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Pasukan Polis Marin Sandakan.





Eksesais berjaya mempertingkat kesefahaman ketiga-tiga negara dalam mencegah kegiatan rentas sempadan

5TH TRILATERAL MARITIME PATROL PORT VISIT DI TARAKAN, INDONESIA MENGERATKAN HUBUNGAN 3 NEGARA

Oleh: Lt Mohd Najmi bin Ali TLDM

Foto: LK IJTP Mohd Yazid bin Osman

KD TODAK telah menyertai 5th INDOMALPHI *Trilateral Maritime Patrol (TMP) Port Visit* 2019 yang berlangsung di Tarakan, Indonesia dari 25 hingga 27 Februari 2019. 5th TMP *Port Visit* ini merupakan kesinambungan daripada siri *Port Visit* sebelumnya yang dilaksanakan secara bergilir oleh tentera laut negara terlibat.

Program ini merupakan salah satu aktiviti di bawah inisiatif *Trilateral Cooperative Arrangement (TCA)*. 5th TMP *Port Visit* ini turut disertai oleh sebuah kapal dari Tentera Nasional Indonesia-Angkatan Laut iaitu KRI AJAK dan sebuah kapal dari Tentera Laut Filipina iaitu BRP GEN MARIANO ALVAREZ.

Program 5th *Port Visit* menyaksikan pelbagai aktiviti yang telah dijalankan secara bersama oleh warga ketiga-tiga kapal merangkumi perkongsian maklumat, perbincangan, lawatan, sukan, aktiviti kebudayaan serta eksesais bersama di laut. Pihak TNI-AL selaku tuan rumah telah menguji cuba konsep pelaksanaan *Table Top Exercise (TTX)* yang dicadangkan oleh TLDM dalam 8th *Joint Working Group (JWG) on TCA* yang telah berlangsung di Cebu City, Filipina pada 10 Disember 2018.

Warga KD TODAK telah berpeluang memperkenalkan budaya dan makanan tradisi dari Malaysia semasa majlis *Sailor Night*. Selain itu, warga kapal juga berpeluang melawati tempat bersejarah di Tarakan iaitu di Wash Tank, Balai Adat Tidung dan Budaya Kota Tarakan.

KD SRI GAYA DAN BRP ANASTACIO - LAKSANAKAN RONDAAN DAN LATIHAN BERSAMA

Oleh: Lt Kdr Mohd Nor Fazli Mat Hassan TLDM

KD SRI GAYA telah melaksanakan *Trilateral Maritime Patrol (TMP)* siri ke-3 bagi tahun 2019. Inisiatif *Trilateral Cooperative Arrangement (TCA)* yang melibatkan kerjasama tiga buah negara iaitu Malaysia, Indonesia dan Filipina ini menyaksikan KD SRI GAYA telah melaksanakan pertemuan bersama kapal Tentera Laut Filipina (TLF) BRP ANASTACIO CACAROYIN (PC 387) di sekitar garis sempadan maritim di antara kedua-dua buah negara pada 13 Februari 2019.

Kedua-dua buah kapal melaksanakan rondaan di kawasan perairan negara masing-masing dan telah membuat pertemuan untuk bertukar maklumat bagi mengekang jenayah rentas sempadan di antara kedua negara.

KD SRI GAYA yang diperintah oleh Lt Kdr Mohd Nor Fazli Mat Hassan TLDM telah membuat pertemuan di laut dengan BRP ANASTACIO CACAROYIN yang diperintah oleh Lt Cdr Ignacio M Umali PN. Kedua-dua tim pemerintah kapal telah berkongsi maklumat dan mengadakan perbincangan mengenai operasi mengekang pencerobohan dan jenayah rentas sempadan. Usaha ini adalah bagi memantapkan lagi persefahaman di antara TLDM dan TLF selain memberi peluang mengenali rakan sejawat ketika melakukan operasi bersama di lautan.

Selesai sesi perkongsian maklumat dan interaksi yang melibatkan krew kedua-dua buah kapal, latihan bersama di laut dimulakan. Kesemua latihan ini bertujuan meningkatkan kemahiran serta interoperabiliti di antara kedua-dua angkatan laut.





KAPAL TLDM SERTAI EKSESAIS AMAN 2019 DI LAUT ARAB

Oleh: PW I PRL Normahaily Mohd Nor

Foto: BERNAMA

KD MAHAWANGSA dan KD KASTURI telah menyertai Eksesais Aman 2019 di Karachi, Pakistan bermula 8 Februari dan berakhir 12 Mac 2019.

Kedua-dua aset TLDM tersebut antara 21 kapal dari 11 negara yang menghantar kapal, helikopter serta pasukan khas bagi menyertai latihan maritim dwi tahunan anjuran Tentera Laut Pakistan itu. Delegasi Malaysia melibatkan lebih 200 anak kapal diketuai Panglima Wilayah Laut 3 TLDM, Laksamana Pertama Mohamad Azuwan Harun selain turut membabitkan anggota Pasukan Khas Laut dan Pasukan Pemusnah Bom TLDM.

Sepanjang eksesais, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan termasuklah evolusi pemindahan minyak dari kapal ke kapal, penembakan sasaran permukaan serta lintas udara aset tentera Pakistan.

Konsep latihan yang dibahagikan kepada fasa di pelabuhan dan laut itu bertujuan memahirkan kerjasama dalam tindak balas, taktik dan prosedur bagi mengendalikan pelbagai bentuk ancaman maritim.

Pembabitan TLDM dalam latihan ini amat signifikan dalam mengeratkan lagi hubungan serta kerjasama pertahanan antara Malaysia dan Pakistan.



KD MAHAWANGSA dan KD KASTURI bertambat di Pelabuhan Karachi





Our Services

- Electronic Engineering Support Services,
- Installation & Commissioning of Electronic Equipment & Systems,
- Supply of Ship's Spare Parts & Equipment.

Our Mission

- To Supply Quality Engineering Equipment To The Customer,
- To Provide And Perform Engineering Services That Satisfy The Customer Needs,
- To Provide Highly Competent People And Facilities That Will Enhance The Company's Capabilities.


Our Vision

- To become a Capable and Competitive Company in the field of Engineering Services and Equipment Provider for the Maritime Sector.

aselsan



THALES



Our Expertise

REMOTE CONTROL WEAPON SYSTEM (RCWS)
LINK-Y SYSTEMS

RESM: VIGILE 100S MKII, ESM DR3000
SONAR: IBIS V

HEAD OFFICE

2A - 20 - 1, Block 2A, Plaza Sentral,
Jalan Stesen Sentral, KL Sentral,
50470, Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: +603 2260 3333
Fax: +603 2260 6868

BRANCH & SERVICE CENTER

Lot 11269, Jalan Ipoh Lumut, Off Venice Of Perak,
32200 Lumut, Perak Darul Ridzuan, Malaysia.
Tel: +05688 3489 / 3992
Fax: +05688 3992
Email: admin@genting-etika.com

NAMING AND LAUNCHING LMS 1 'KERIS'




By: RMN LMS Project Team, Wuhan

The first Littoral Mission Ship (LMS) makes its debut in the Royal Malaysian Navy (RMN) when it was launched on 15 April 2019 at Shuangliu Manufacture Base, Wuhan by her Lady Sponsor, Mrs Hjh Normah bt Alwi, wife of the Defence Minister of Malaysia. Under a piercing sun relieved by occasional waft of cool spring breeze, the Lady Sponsor, in a clear, deliberate and commanding voice declared that the ship shall bear the name KERIS.

An age old-custom religiously practiced by seafarers, reserved solely for wives of high-ranking personages, was dutifully reenacted on the banks of the Yangtze River. With a deft snip of a red ribbon that was tied to a dangling ceremonial *Labu Sayong* at its end, the traditional Malay earthenware was sent hurtling towards the freshly christened LMS. The gourd shape container shattered and splashed its fill of *Yassin water* on the port bow of KERIS, heralding another ship to join the ranks of man-of-war in rendering their services to the RMN and to the nation.


As the Samudera Raya reverberated the launching site of an 830 acres shipyard, both nations were witnessing the first of a batch of four LMSs that will be delivered by China Shipbuilding & Offshore International Co. Ltd (CSOC) in stages, to the RMN until 2021. The Chief of Navy, solemnly witness this momentous chapter in the annals of RMN history along with a string of dignitaries from both Malaysia and China. Among them are the Director of Boustead Heavy Industries Corporation (BHIC), Tan Sri Ramlan bin Mohamed Ali and Vice President of China Shipbuilding Industry Corporation (CSIC), Mr Wu Xiaoguang.

LMS are designed to carry out fit-for-purpose missions assigned to them in littoral waters as well as in high seas. Compact, sleek, versatile and arrayed with state-of-the-art sensors, LMSs poise to be a platforms of force-multipliers set to blend, prowl and dominate the geographical uniqueness of Malaysian waters. This ship will be the 2nd RMN vessel to adopt the name KERIS. The first was a Patrol Craft of the RMN 14th Patrol Craft Squadron



which served with sterling distinction safeguarding the sovereignty of Malaysian for decades. The former KERIS (spelt as KRIS), built by Vosper Ltd, Portsmouth, was decommissioned in August 2005 and has been requisitioned to the Malaysian Maritime Enforcement Agency.

This defining moment recorded several firsts in posterity. Among them are the first of its type of warship to be inducted into the RMN's inventory as well as the first RMN warship to be built in China. The fruition of which is a result of the joint partnership between Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd (BNSSB) and CSOC. The idea of



DIMENSIONS	
Length	68 m
Breadth	9.2m
Displacement	710 tonnes
Speed	22 kn
Complement	45 crew
Range	2000 nm

acquiring LMS was conceived from the RMN 15to5 Transformation Program, a master plan to restructure the RMN into a lean and credible fighting force. As soon as CSOC inked the contract to deliver the ships, a team of 7 RMN officers and 5 men reinforced with 9 staffs from BNS was attached to Wuchang Shipyard to oversee and monitor the project. This motley crew, armed with various expertise, spent 14 months working closely with CSSDC, pouring over hundreds of technical drawings, painstakingly revising and trading propositions to ensure that a ship conducive to Malaysian environment is being build. From the drawing board to the first sheet of

metal to the rigors of working in stifling summer heat and bitter winter cold, a ship of 68 meters, 710 tons came into being.

The 16th Chief of RMN, Admiral Tan Sri Ahmad Kamarulzaman Ahmad Badaruddin, ceremoniously performed the First Steel Cutting on 31st July 2018 to kick-off the construction phase of this vessel. Within a span of 3 months, the ship began to take shape and her keel was laid by Mr. Haji Mohamad bin Sabu the Defence Minister of Malaysia on 23rd October 2018.

KERIS is a Malay traditional weapon with wavy blades, guaranteeing

mortality to those unfortunate enough to be at the receiving end of its thrust. Its unique patterning is forged through skilled workmanship by alternating laminations of iron with nickels. As it is the symbol of supremacy, KERIS is the weapon of choice in the Malay Sultanate more so amongst the palace warriors. It is widely belief to hold mystical power, a superior advantage that endear itself to its owner and strikes terror into the heart of its destined victims.

The first LMS to bear the name KERIS is a portent of a formidable warship that will be the unyielding guardian of our maritime domain in the coming years.

MEMBELAH SAMUDERA, MENGHARUNGI



GELORA

Nazery Khalid berkongsi pandangan tentang cabaran yang dihadapi oleh TLDM kini dan di masa hadapan.

Sempena Hari TLDM ke 85 pada 27 April 2019, penulis terpanggil untuk membincangkan cabaran dan tanggungjawab TLDM sebagai pasukan yang mempertahankan keselamatan perairan Malaysia serta kedaulatan maritimnya.

Seiring dengan Tentera Darat Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia, TLDM menjadi tunjang pertahanan tanahair tercinta. Kita sebagai rakyat Malaysia boleh bekerja, berniaga, beriadah dan menjalankan kehidupan sehari-hari dengan aman dan tenteram kerana pengorbanan para anggota ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM ini dan agensi-agensi keselamatan yang lain.

Peranan TLDM semenjak penubuhannya sudah banyak berubah. *The Navy People* kebanggaan negara telah melalui pelbagai laluan penuh berliku untuk kini muncul sebagai antara tentera laut yang paling moden di rantau Asia Tenggara.

Dengan perkembangan dunia serta lanskap geopolitik dan ketenteraan yang semakin kompleks, tanggungjawab TLDM semakin berkembang di luar dari skop tradisinya sebagai sebuah pasukan tentera atau *war fighting unit*. Kini, TLDM menggalas banyak tugas yang dulunya tidak lazim dipikul olehnya.

Kebanyakan tugas di luar tanggungjawab lazim TLDM ini bertumpu kepada menangani perkara-perkara yang boleh mengancam keselamatan maritim yang dikategorikan sebagai ancaman bukan konvensional/tradisional atau *non-symmetrical*. Ini termasuk:

- Bencana alam seperti tsunami dan puting beliung yang boleh mengakibatkan kematian dan kecederaan serta kerosakan infrastruktur dan harta benda yang memerlukan bantuan kemanusiaan, *disaster relief*, evakuasi dan *search and rescue*.
- Kemasukan pelarian dan pendatang haram melalui laut
- Penangkapan ikan secara haram, tidak terlapur dan tidak terkawal
- Perlombongan haram sumber-sumber mineral di lautan
- Ancaman lanun
- Ancaman keganasan maritim

Ancaman-ancaman ini datang dari sumber alami dan dari *non-state actors*, bukan dari tentera laut asing yang *hostile* terhadap kita. Bentuk ancaman ini sukar diramal dan *fluid* sifatnya. Ia menuntut TLDM menyediakan wargakerja, aset, strategi serta prosedur yang bersesuaian bagi menghadapinya.

TLDM juga menjadi instrumen penting dasar luar negara dalam mempromosikan *naval diplomacy*

dengan mengibarkan Jalur Gemilang di perairan antarabangsa dan pelabuhan serta pangkalan tentera laut di luar negara. Dalam memainkan peranan ini, ia harus mempunyai aset-aset yang berupaya belayar jauh dan beraksi dengan tangkas sewaktu *war games* dan latihan bersama. Ia juga memerlukan anggota-anggota yang cekap dan terlatih yang mempunyai *seamanship* serta kebolehan berkomunikasi yang baik dan berpengetahuan dalam pelbagai bidang di luar ketenteraan.

Semua ini menggariskan peran pentingnya TLDM mempunyai *hardware* (contohnya aset dan tenaga kerja terlatih dan berkemahiran) dan *software* (contohnya doktrin, prosedur, kepimpinan dan pengurusan) yang mencukupi, bersesuaian dan siaga bagi melaksanakan amanah dan memenuhi *expectations* dari pelbagai pihak berkepentingan.

CABARAN MASA DEPAN

TLDM menghadapi persekitaran keselamatan yang semakin kompleks. Pelbagai cabaran juga timbul dari peruntukan belanjawan yang sederhana, keusangan aset, kehendak menyediakan sumber manusia terlatih dan kos di luar jangkaan untuk memperbaiki dan menyelenggarakan aset-asetnya dan memastikannya berada pada tahap kesediaan yang tinggi.

Ini menuntut TLDM untuk berfikir secara kreatif dan inovatif. Dalam masa yang sama, ia harus mengkalkan *posture* sebagai *combat-ready force* yang sedia menghadapi ancaman keselamatan maritim dan memenuhi pelbagai tanggungjawab yang diamanahkan kepadaanya.

Ini diakui sendiri oleh Panglima TLDM, Datuk Mohd Reza Mohd Sany yang menegaskan agenda utama TLDM pada tahun 2019 dan 2020 ialah menangani kesiagaannya. Ini menjadi antara teras utama yang bakal memacu hala tuju TLDM di tahun-tahun mendatang. Teras-teras yang lain ialah melaksanakan program Transformasi 15to5, meningkatkan integrasi dan sokongan kepada doktrin kebersamaan (*jointness*) dan menyediakan modal insan bagi memenuhi pelbagai tuntutan operasi.

Antara langkah-langkah yang harus diambil atau dipertingkatkan intensitinya ialah:

1 Menangani ancaman *cyber and electronic warfare*. TLDM harus bersedia sedia untuk membina kebolehan bertindak tangkas atau *rapid response capabilities* bagi menghadapi medan pertempuran yang berteraskan teknologi siber dan teknologi tinggi serta mematahkan serangan di medan *cyberwarfare*.

2 Mempersiapkan warga terlatih bagi mengelolakan aset yang berteknologi tinggi dan canggih. TLDM kini mempunyai aset maritim yang canggih seperti kapal selam, kapal-kapal peronda, aset udara serta pelbagai radar dan sistem yang canggih. Aset baharu berteknologi tinggi seperti Kapal Kombat Litoral dan Kapal Misi Litoral bakal memerlukan kakitangan terlatih untuk dikendalikan dengan cekap serta berkesan bagi membolehkan misi mereka dilaksanakan dengan jayanya.

3 Menyediakan aset, tenaga kerja, sistem, doktrin dan pendekatan yang bersesuaian bagi menghadapi dunia yang sedang mengalami pelbagai perubahan pesat yang telah, sedang dan akan mempengaruhi dan merubah lanskap industri pertahanan

dan *naval warfare*. Antara pemacu perubahan ini ialah penggunaan komponen Industri 4.0 seperti *artificial intelligence*, *Big Data Analytics*, *Internet of Things*, penggunaan *drones* aplikasi *neuroscience* dan *neuroteknologi* dalam ketenteraan serta perkembangan *hybrid warfare*. Fokus juga semakin bertumpu kepada amalan mesra alam yang menuntut TLDM mengurangkan *carbon footprint* dalam operasinya.

4 Memastikan warga TLDM menerima latihan secukupnya. Latihan adalah sangat penting bagi memastikan para anggota TLDM sentiasa berada dalam tahap *optimal readiness* bagi menghadapi sebarang ancaman, situasi dan tuntutan.

5 Memastikan pengurusan TLDM dijalankan dengan cekap dan teratur. Aspek seperti *asset and resource allocation*, pembangunan karier, pembelajaran berterusan (*continuous education*) serta kebijakan anggota harus diberi penekanan yang serius bagi memastikan mereka sentiasa komited dan bermotivasi tinggi.

6 Memastikan kepentingan negara terjamin dan keutuhan kewilayah maritimnya terpelihara di kala persaingan di antara kuasa-kuasa besar di lautan keliling kita. Paling ketara ialah percaturan di antara Amerika Syarikat dan China yang menuntut hampir keseluruhan Laut China Selatan yang sebahagiannya berada di dalam wilayah maritim kita dan di mana kita juga mempunyai tuntutan. TLDM dipertaruhkan untuk membantu usaha diplomasi bagi memastikan kepentingan maritim Malaysia terpelihara dalam pada kuasa-kuasa besar ini menunjukkan *power play* mereka.

7 Memainkan peranan menyokong usaha-usaha diplomasi bagi mengelakkan konflik di lautan, sejajar dengan dasar luar negara yang aman, bebas dan berkecuali serta komited untuk mencari penyelesaian aman (*peaceful resolution*) terhadap konflik. Sekiranya konflik tidak dapat dielakkan, TLDM dipertaruhkan

untuk memelihara pertahanan dan kewilayah maritim negara. Ancaman paling nyata datang dari China yang semakin agresif mendokong tuntutannya di Laut China Selatan bagi meraih kelebihan *anti-access/area-denial* (A2AD). Menangani situasi ini memerlukan tahap kesiapsiagaan yang tinggi, kakitangan terlatih serta koordinasi rapat di antara TLDM dengan agensi-agensi kerajaan.

8 Menangani ancaman *non-conventional* yang dijangka semakin meningkat dengan tercetusnya konflik dan situasi ekonomi dan politik di rantau ini, contohnya kebanjiran pelarian dan pendatang haram. Juga, ia harus bersedia menangani ancaman keselamatan maritim oleh *non-state actors* seperti lanun dan kumpulan penganas melalui operasi gerak khas *counter-piracy* dan *counter-terrorism* yang tangkas dan berkesan.

SEDA BERKORBAN

Harapan tinggi yang dipertaruhkan ke atas TLDM oleh rakyat Malaysia bagi memelihara keamanan di lautan dan kesejahteraan negara adalah sangat besar. TLDM berhadapan dengan pelbagai *expectations* yang semakin tinggi oleh banyak pihak. Ia harus sentiasa peka kepada pelbagai tugas dan tuntutan baharu, *disruptive forces* dan persekitaran operasinya yang sentiasa berubah untuk sentiasa bersedia dan kekal relevan dan *sustainable* sebagai agensi yang bertanggungjawab ke atas benteng pertahanan maritim negara.

Namun kita yakin yang TLDM berupaya menggalas cabaran kini dan yang bakal mendatang. Ia berpotensi menjadi satu pasukan bertaraf dunia yang disegani. Dengan aset *fit-for-purpose* dan sentiasa siap siaga dengan anggota-anggota yang cekap, terlatih dan sedia berkorban memelihara kedaulatan dan keselamatan maritim ibu pertiwi, kita pasti TLDM boleh melaksanakan segala tanggungjawabnya secara berkesan.

Selamat menyambut Hari TLDM ke-85. *Navy people BOLEH!*



ALUNAN MUZIK

PENYEMARAK SEMANGAT

Oleh: PW I PRL Normahaily Mohd Nor
Foto: Cawangan Komunikasi Strategik MkTL

Pancaragam amat signifikan dalam dunia ketenteraan. Pasukan ini berperanan mengharmonikan rentak ketumbukan dalam sesebuah perbarisan bagi menyeragamkan langkah ketika berkawad. Lebih daripada itu, pasukan ini seperti nadi pembakar semangat dan pastinya kelibat mereka ditunggu-tunggu untuk mengekspresikan semangat patriotik dan menjadikan suasana lebih bernyawa!

BARISAN HADAPAN

Pasukan ini bukan sekadar penambah rasa, malah sejarah pernah mencatatkan, paluan gendang digunakan di barisan hadapan untuk menyemarakkan semangat tentera di medan perang. Ini kerana gema alunan muzik bukan sahaja mampu membangkitkan semangat, malah dapat mempengaruhi emosi dan memberi ketenangan jiwa.

PANCARAGAM TLDM

Sebagai sebuah pasukan keselamatan, TLDM juga mempunyai pasukan pancaragamnya sendiri yang tidak kurang hebatnya.



Latihan muzik secara individu diperlakukan melalui pembacaan notasi atau skor muzik bagi meningkatkan kemahiran setiap anggota

Menurut Pengarah Pancaragam Pusat TLDM, Lt Mohd Shamram Ramli, Pancaragam TLDM bermula dengan Corp of Drum yang diterajui seorang pegawai Tentera Laut British di HMS MALAYA Sembawang, Singapura pada tahun 1964.

“Pada masa itu keanggotaan pasukan ini hanya 27 orang yang terdiri daripada anggota dari Cawangan Pelaut yang mempunyai minat serta berbakat dalam bidang muzik. Mereka belajar secara bersendirian menggunakan instrumen muzik asas pancaragam.”

“Tanggungjawab yang diberikan pula hanya tertumpu kepada aktiviti di dalam pangkalan sahaja seperti Upacara Menaikkan Panji-panji TLDM, Perbarisan Mingguan Pegawai Memerintah dan persembahan pertunjukan kepada ahli-ahli keluarga TLDM,” ujarnya.

NAIK TARAF

Pada 1976, pasukan ini telah dinaik taraf sebagai Pancaragam Pusat TLDM dan diiktiraf penubuhannya pada

tahun 1984 seiring perkembangan dan keperluan semasa. Perjawatan yang khusus turut diwujudkan dengan penambahan anggota yang dilatih secara berperingkat di bawah bidang kepakaran khusus PANCARAGAM. Pemuzik-pemuzik mula dilatih secara formal sejak penubuhan sekolah muzik di KD PELENDOK pada 1992.

TERLIBAT ACARA PENTING

Peranan yang dimainkan pasukan ini mencakupi banyak aspek sama ada di peringkat perkhidmatan, kebangsaan bahkan antarabangsa.

Antara acara-acara penting yang sering disertai termasuklah perarakan Panji-panji Diraja, Kawalan Kehormatan menyambut tetamu-tetamu kerajaan dari luar negara, pembukaan atau penutupan kejohanan sukan, majlis makan malam pembesar-pembesar negara, perbarisan istiadat pasukan-pasukan TLDM selain turut membantu keperluan cabang ATM yang lain.

Lebih membanggakan, pasukan ini turut beraksi di luar negara apabila menerima jemputan untuk persembahan City March di Yokohama Jepun semasa sambutan 50 tahun *Japan Self Defence Forces* selain menjadi duta pelancongan Tourism Board of Malaysia dengan persembahan menarik *An Evening Malaysia Truly Asia* di Tokyo. Mereka juga seringkali beraksi di majlis koktel anjuran kapal-kapal TLDM yang singgah di pelabuhan asing seperti di Korea, Rusia dan Filipina.

PERTINDIHAN TUGAS

Dek kerana tidak menang tangan, Pancaragam Pusat TLDM yang bernaung di bawah Pusat Perkhidmatan Komuniti, Markas Pangkalan Lumut ini dibahagi kepada dua kumpulan bagi menampung keperluan yang ada kalanya bertindihan. *Brass Band* telah diwujudkan di KD PELENDOK bagi mengiringi acara unit-unit dalam TLDM serta membantu Pancaragam Pusat sekiranya ada pertindihan tugas. *Brass Band* kemudianya dibahagi pula kepada dua kumpulan dan menempatkannya di KD SULTAN ISMAIL (Pusat Latihan Rekrut Tanjung Pengelih, Johor) untuk memenuhi keperluan semasa di pusat latihan.



Sekiranya anggota tidak mempunyai minat mahupun kemahiran, ia akan menjelaskan kesepaduan bunyi instrumen yang dimainkan,”

~ Lt Mohd Shamram

MUZIK TIDAK MUDAH

Menurut Lt Mohd Shamram, bermain alat muzik tidak mudah. Tanpa minat dan bakat semulajadi, agak sukar untuk seseorang itu memahami kehendak muzik itu sendiri.

“Malah sekiranya anggota tidak mempunyai minat mahupun kemahiran, ia akan menjelaskan kesepaduan bunyi instrumen yang dimainkan,” jelas beliau.

Menurutnya, setiap anggota pancaragam mempunyai peranan masing-masing. Semangat kerjasama merupakan aspek paling penting memandangkan ia melibatkan penyatuhan secara berkumpulan.

“Kegagalan satu alat muzik akan menghasilkan irama yang sumbang,” ujar beliau lagi.

KEPENTINGAN ETIKA

Latihan muzik secara individu diperlakukan melalui pembacaan notasi atau skor muzik bagi meningkatkan kemahiran setiap anggota. Latihan dalam kumpulan muzik pula biasanya dijalankan untuk mendapatkan kesefahaman dari aspek tempo dan keseimbangan bunyi di antara setiap ahli dalam kumpulan tersebut.

“Bukan mudah untuk memastikan arahan tempo muzik dan pergerakan ahli pancaragam seiring dengan kehendak persembahan. Disiplin yang tinggi sangat ditekankan supaya persembahan yang diberikan berkualiti,” katanya lagi.

PENUBUHAN DRUMLINE

Pancaragam Pusat TLDM terus mengorak langkah dengan menubuhkan pasukan *Drumline*, terdiri daripada 15 anggota pancaragam pada awal 2013.


“Penubuhan pasukan ini bertujuan menambah variasi dalam persembahan yang dilaksanakan oleh Pancaragam Pusat TLDM yang secara langsung menonjolkan kemampuan anggota dalam kemahiran perkusi.

Pasukan *Drumline* ini terdiri daripada enam pemain *high tense drum*, empat pemain *bass drum*, dua pemain *cymbal* dan dua pemain *quad tom drum*,” ujar Lt Mohd Shamram mengakhiri perbualan.

Ternyata pasukan pancaragam TLDM adalah sebuah entiti yang mapan dan mampu melonjakkan nama TLDM dan ATM dalam kelasnya yang tersendiri.

Pesawat Fennec menyertai latihan LIMA Sea Exercise di Selat Melaka Utara pada 31 Mac 2019

Foto: Shahrizal Md Noor,
Jurugambar New Straits Times









THE NAVY



PEOPLE





Oleh: BM TLR Mohamad Asri bin Md Zlan

Foto: Arkib

Adat dan tradisi umpama roh atau identiti kepada setiap angkatan laut. Menjadi anggota tentera laut secara tidak langsung perlu menjawai adat dan tradisinya sepenuh hati.

Loceng kapal telah menjadi sebahagian dari tradisi tentera laut dunia (juga kapal dagang) sejak dari abad ke-15 lagi. Selain kegunaan utamanya sebagai penunjuk waktu, ia juga menjadi komponen penting di dalam pelbagai istiadat yang menjadi tradisi tentera laut. Loceng merupakan

LOCENG KAPAL

antara alat asas yang perlu ada di kapal atau unit tentera laut. Kebiasaannya loceng ini akan tertera nama kapal atau unit dan tarikh ia ditauliahkan. Loceng akan kekal bersama kapal atau unit yang telah ditauliahkan sehingga ia dilucutkan tauliah.

Istiadat ketukan loceng bermula seawal jam 8.00 pagi setiap hari semasa upacara menaikkan panji-panji. Upacara ini akan dilakukan setiap hari kecuali pada hari Ahad dan cuti umum.

Selain itu juga, ketukan loceng turut digunakan bagi menyambut ketibaan tahun baru di mana loceng akan diketuk sebanyak 16 kali. Bagi upacara perlucutan tauliah jumlah ketukan bergantung pada tempoh perkhidmatan kapal di mana 1 ketukan bersamaan setahun perkhidmatan kapal tersebut di dalam TLDM.



Number of Bells	Bell Pattern	Watch					First
		Middle	Morning	Forenoon	Afternoon	Dog	
First	Last						
One bell	1	0030	0430	0830	1230	1630	2030
Two bells	2	0100	0500	0900	1300	1700	2100
Three bells	2 1	0130	0530	0930	1330	1730	2130
Four bells	2 2	0200	0600	1000	1400	1800	2200
Five bells	2 2 1	0230	0630	1030	1430		1830 2230
Six bells	2 2 2	0300	0700	1100	1500		1900 2300
Seven bells	2 2 2 1	0330	0730	1130	1530		1930 2330
Eight bells	2 2 2 2	0400	0800	1200	1600		2000 2400

Jadual ketukan loceng penunjuk waktu.

808574 PW I PAP (GI) IBRAHIM BIN ZAINI

Oleh: BM TLR Suhairi Hj Mohamed Ali

Raut wajahnya yang serius terserlah ketegasan dan keterampilan seorang jurulatih kawad kaki atau lebih dikenali sebagai GI (Gunnery Instructor). Begitulah sifat dan tanggungjawab yang ada pada 808574 PW I PAP (GI) Ibrahim bin Zaini sewaktu berkhidmat dahulu.

Dilahirkan pada 21 Julai 1959 di Jelebu, Negeri Sembilan. Beliau merupakan anak keempat dari lima adik beradik. Bapa beliau seorang pesara polis manakala ibunya adalah seorang suri rumah.



Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Durian Tipus dan Sekolah Menengah Triang Hilir, Jelebu. Beliau mendirikan rumah tangga dengan Puan Jamilah binti Tahar dan dikurniakan empat cahaya mata iaitu dua lelaki dan dua perempuan. Di masa lapang, beliau gemar mendengar muzik dan melayari internet. Bagi aktiviti sukan pula, beliau amat meminati sukan badminton dan bola tampar.

Pada 3 Julai 1979, beliau telah mengangkat sumpah sebagai anggota TLDM di *Cadet and Recruit Training Establishment (CARTE CAMP)* Sembawang, Singapura. Setelah menamatkan latihan selama enam bulan beliau seterusnya diserapkan ke KD PELANDOK dan merupakan antara pengambilan yang terawal berkursus di unit itu. Di sepanjang perkhidmatan, beliau telah menunjukkan sikap dedikasi dan ketekunan kerja yang tinggi serta berusaha dengan gigih untuk meningkat maju dalam kerjaya





ketenteraan. Hasil dari kesungguhan dan dedikasi yang telah beliau tunjukkan sepanjang tempoh 26 tahun perkhidmatan, beliau telah diberi kepercayaan dan mandat oleh pucuk pimpinan TLDM untuk menjawat jawatan sebagai *Warrant Officer of the Navy* (WOON) selama 4 tahun.

WOON secara amnya merupakan jawatan paling kanan dalam kalangan Lain-Lain Pangkat (LLP). Namun peranannya dalam pembentukan sahsiah anggota TLDM amatlah penting kerana beliau merupakan penghubung atau jambatan di antara pengurusan tertinggi dan anggota bawahan. Oleh yang demikian, kredibiliti dan keterampilan semua Pegawai Waran amat penting untuk membentukkan organisasi yang utuh dan mantap.

Antara pendekatan yang beliau terapkan adalah berpegang teguh kepada prinsip dan sentiasa menjunjung disiplin perkhidmatan. Cara ini akan membuatkan semua amanah menjadi mudah untuk dikawal.

Pengalaman beliau menjadi jurulatih sememangnya sangat mencabar kerana bukan mudah untuk mendidik anggota menjadi seorang yang berilmu dan kompeten dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan. Ini kerana seseorang GI itu hendaklah berilmu, berani dan tegas dalam melahirkan anggota yang berdisiplin tinggi dan berwibawa.

Sepanjang berkhidmat, beliau pernah diperjawatkan di unit-unit seperti KD SRI LABUAN, Station LIMA, KD SRI INDERA SAKTI, KD PELONDOK, KD MALAYA, KD SRI KLANG, KLD TUNAS SAMUDERA, Fleet Material Command (FMC), Fleet Operation Command (FOC), Pusat Latihan Asas Rekrut di Woodlands Singapura dan Pusat Latihan Rekrut di MAWILLA 1, Kuantan.

Menyingkap kenangan, beliau pernah ditugaskan sebagai Tim Tugas-tugas Khas selama 1 tahun 6 bulan bersama 12 anggota TLDM yang lain untuk pemasangan 6 unit buah Meriam di Stesen LIMA yang berada di Pulau Layang-Layang. Selain itu, beliau turut berkesempatan mengikuti pelayaran mengelilingi benua Australia dan singgah di semua pelabuhan di negara itu dari Darwin

hingga ke Port Hedland dan melintasi garisan Khatulistiwa melalui laluan Great Barrier Reef (Terumbu Karang Besar), semasa bertugas di KD SRI INDERA SAKTI.

Menurutnya lagi, tiada kenangan pahit yang ketara sepanjang perkhidmatannya kerana beliau menganggap segala kesulitan, keserasian dan cabaran adalah lumrah dalam dunia ketenteraan. Bagi beliau, segala cabaran hanya menambah baik kualiti diri dalam membentuk diri menjadi yang terbaik demi mendokong hasrat menjadikan TLDM sebagai ketumbukan yang kredibel.

Nasihat beliau kepada semua warga TLDM agar menyedari hakikat bahawa kerjaya sebagai anggota tentera adalah satu profesi yang paling baik di dunia. Tiada organisasi lain yang memberi perkhidmatan dan kebajikan yang terbaik kepada anggotanya selain dari ATM. Tambahnya lagi, untuk mencapai tahap ini (sebagai WOON), beliau mengamalkan prinsip iaitu sentiasa ‘Bekerja Dalam Satu Pasukan’.



DARI MEJA LIPAT HAJI FADZLI PENGUSAHA KATERING YANG DIKAGUMI

Oleh: PW I PRL Normahaily Mohd Nor

Siapa sangka, bermula dengan meja lipat, pesara TLDM ini semakin dikenali sebagai pengusaha katering yang berjaya dan dikagumi.

Bagi Bintara Muda (bersara) Haji Fadzli Haji Awang, rezeki tidak datang bergolek tanpa usaha dan pengorbanan. Atas kepercayaan itulah, beliau bertarikh dari bawah tanpa mengira penat lelah untuk sampai ke tahap yang boleh dibanggakan kini.

Jenama Laksamana Tujuh Barakah Katering tidak perlu diperkenalkan lagi. Terletak di Taman Industri Lembah Jaya, Ampang, syarikat yang menyediakan hidangan tradisi melayu menggunakan resipi keluarga turun temurun ini sememangnya menjadi pilihan ramai bukan sahaja di sekitar Lembah Klang, malah turut mendapat tempat di hati pelanggan di sekitar Negeri Sembilan, Pahang, Selatan Perak dan Melaka.

PERMULAAN KERJAYA

Menyingkap permulaan kerjaya, Haji Fadzli mula menyertai TLDM pada 17 Julai 1995 di Woodland, Singapura. Pada awalnya, beliau mencuba nasib untuk menyertai latihan atas Pasukan Khas Laut kerana meminati bidang lasak. Namun nasib tidak menyebelahi apabila beliau kecundang di tengah jalan kerana kecederaan kaki. Beliau kemudiannya diserapkan ke cawangan Bekalan dan Logistik dalam kepakaran Kerani Am dan menamatkan perkhidmatan pada 16 Julai 2011 dengan pangkat terakhir Bintara Muda setelah 16 tahun berkhidmat. Haji Fadzli dikurniakan sepasang cahayamata

berusia 16 dan 14 tahun hasil perkongsian hidup dengan Hajah Nor Hairani Ismail yang merupakan seorang guru dan kini menetap di Kampung Tasek Tambahan, Ampang, Selangor.

TIDAK SAMBUNG PERKHIDMATAN

“Sebelum menamatkan perkhidmatan, saya mengambil masa agak lama untuk membuat keputusan, meminta pendapat dan pandangan dari keluarga, pegawai bahagian, pegawai atasan dan rakan-rakan.

“Ada yang menyokong dan sebaliknya. Saya buntu. Jalan terbaik, saya buat solat hajat dan istikhharah. Akhirnya saya mengambil keputusan untuk tidak menyambung perkhidmatan.

“Walaupun berat di hati, saya yakin ada rezeki lain yang menunggu di luar sana. Saya sangat berterima kasih kepada TLDM kerana banyak mengajar saya nilai kehidupan,” ujarnya.

MINAT BERNIAGA

Perjalanan Laksamana Tujuh Barakah Katering bermula sejak Haji Fadzli masih dalam perkhidmatan lagi.

“Sebenarnya saya menyimpan cita-cita untuk berniaga dan saya mencari peluang menimba pengalaman dan ilmu dalam bidang katering sambil belajar selok-belok pengurusan perniagaan dengan membuat kerja sambilan secara kecil-kecilan di warung.

“Pada waktu itu memang agak susah mendapat pelanggan kerana banyak persaingan. Kiri dan kanan

pengusaha makanan yang sudah bertapak lama."

"Tambahnya pula saya hanya berniaga sambilan dan kecil-kecilan. Namun, atas kesungguhan dan dibantu pekerja berpengalaman serta tukang masak yang profesional dari kalangan ahli keluarga, perniagaan saya mula menarik pelanggan melalui kelainan menu yang ditawarkan."

"Hasilnya, Laksamana Tujuh Barakah Catering mula bertapak, semakin maju dan akhirnya berada di tahap 'ternama' sehingga popularitinya menjadi sebutan. Malah kebanyakan pelanggan yang pernah menggunakan perkhidmatan kami akan datang lagi membuat tempahan."

"Setelah menamatkan perkhidmatan, saya menjalankan perniagaan ini sepenuh masa. Alhamdulillah, berkat usaha dan doa, perniagaan ini berkembang maju," katanya lagi.

Bagi Haji Fadzli, Lembah Klang adalah 'lubuk rezeki' kerana beliau memperoleh permintaan yang cukup tinggi di kawasan ini selain mudah mendapatkan bahan mentah dengan harga yang rendah.

PEGANG TIGA PRINSIP

Meskipun menyedari perusahaan katering kebelakangan ini tumbuh bagai cendawan lepas hujan, namun Haji Fadzli berani mengambil risiko dengan berpegang kepada tiga prinsip, Taaruf iaitu mengenali siapa pelanggan dan masalah yang perlu dibantu; Tafahum, memahami kehendak pelanggan dan melaksanakan kehendak mereka serta Takaful iaitu saling bantu-membantu.

"Majlis pelanggan adalah majlis saya juga. Jadi saya akan berusaha memberikan yang terbaik," ujar beliau yang begitu mementingkan kualiti dan ketepatan masa selain mengenakan harga yang munasabah serta menjaga 'amanah' pelanggan sebaik mungkin."

"Ia merupakan elemen penting untuk perkhidmatan saya terus dipercayai dan bertahan sebagai satu jenama penyedia katering yang mempunyai reputasi membanggakan."

Selain penyediaan makanan, syarikat beliau turut menyediakan perkhidmatan kanopi, pengangkutan



Antara menu yang disediakan.

serta ternakan lembu dan kambing. Setakat ini, beliau mempunyai lebih 300 ekor lembu peliharaan yang diternak di Baling dan Sik, Kedah.

SIGNIFIKAN NAMA LAKSAMANA 7

Berkongsi cerita, Laksamana Tujuh mempunyai signifikansi khusus dan mendalam. Keunikan nama Laksamana ini kerana ia melambangkan semangat. Sementara tujuh pula adalah gambaran Tauhid, Perjuangan, Keyakinan, Keikhlasan, Amanah, Muafakat dan Setiaawan. Malah tujuh juga merupakan tarikh pendaftraian yang tercatat dalam sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) iaitu pada 7 Julai 2007.

HIKMAH CABARAN

13 tahun dalam industri, pelbagai cabaran telah dilalui Haji Fadzli. "Namun cabaran itu membuatkan saya berubah ke tahap yang lebih baik dan kuat."

"Sebelum berada di tahap sekarang, banyak yang saya lalui antaranya terpaksa menghadapi banyak persaingan, kos barang yang tinggi dan sukar mendapat pelanggan.

"Saya sentiasa bermotivasi dan tidak mudah mengalah. Kalau ada sebarang kesulitan, saya lebih suka berbincang secara bersemuka, sama ada di kalangan staf mahupun pelanggan supaya tidak bermasam muka," ujarnya.

FOKUS PENJENAMAAN PERNIAGAAN

Haji Fadzli fokus pada penjenamaan perniagaan, belajar teknik dan

strategi pemasaran yang lebih berkesan dan berpanjangan selain mengkaji status pemasaran dari semasa ke semasa.

"Keuntungan dalam perniagaan digunakan sebaik-baiknya dengan mengutamakan perbelanjaan untuk menambah aset perniagaan seperti kenderaan dan barang keperluan yang memenuhi kehendak dan keyakinan pelanggan."

"Saya juga sentiasa memberi perangsang kepada staf serta selalu mendampingi mereka supaya mereka rasa dihargai. Ini sekali gus memberi semangat untuk mereka memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan. Saya amat menjaga hubungan dengan staf kerana mereka juga aset penting syarikat ini," ujar beliau lagi.

PESANAN KEPADA BAKAL PESARA

"Kepada bakal pesara, saya ingin berpesan supaya membuat persediaan dan perancangan awal bagi menempuh alam persaraan untuk kelangsungan hidup.

"Akan bermasalah apabila tiada kerja patut dibuat serta tiada wang untuk dibelanjakan.


Menurut Haji Fadzli lagi, Laksamana Tujuh Baraqah Catering juga membuka peluang kepada bakal pesara menjalani latihan peralihan dan juga melakukan kerja *part time* di syarikat berkenaan.



HMS PRINCE OF WALES

Oleh: Lt Dya Nurhidayah Mazlan PSSTLDM
Foto: Arkib

HMS PRINCE OF WALES adalah sebuah kapal perang Royal Navy kelas King George V yang dibina di Limbungan Cammell Laird di Birkenhead, England. Kapal perang ini ditauliahkan pada 19 Januari 1941. Tidak lama selepas ditauliahkan, kapal ini telah terlibat dalam Perang Dunia Kedua antaranya pada Mei 1941, iaitu ketika Pertempuran Selat Denmark menentang kapal perang Jerman, BISMARCK, di mana HMS PRINCE OF WALES dan HMS HOOD ditugaskan memintas kapal tersebut. Pertempuran ini mengakibatkan kerosakan teruk kepada HMS PRINCE OF WALES namun serangan balas yang dilancarkan telah berjaya memaksa BISMARCK untuk berundur.



Gambar kapal HMS PRINCE OF WALES 1941.
- Foto Imperial War Museum (IWM)



Pada 2 Disember 1941 HMS PRINCE OF WALES dan HMS REPULSE tiba di Pangkalan Royal Navy Singapura, di bawah pemerintahan Admiral Sir Thomas Philips RN. Kapal-kapal ini ditugaskan untuk meronda sekitar pantai Timur Tanah Melayu dan meminta sebarang serangan yang cuba dilancarkan oleh tentera Jepun. Ternyata misi ini menjadi tugas terakhir buat HMS PRINCE OF WALES dan anak-anak kapalnya.

Pada 10 Disember 1941, sewaktu beroperasi di perairan Kuantan, keduanya kapal ini diserang oleh pesawat Jepun dengan torpedo. Serangan ini telah menenggelamkan HMS PRINCE OF WALES bersama-sama 845 orang anak kapal termasuklah Admiral Sir Thomas Philips. HMS REPULSE turut diserang dan tenggelam. Seramai 27 pegawai dan 486 anak kapal telah terkorban manakala seramai 796 orang lagi berjaya diselamatkan oleh HMS EXPRESS (termasuk Pegawai Memerintah Captain W.J.Tennat RN). Peristiwa tenggelamnya kedua-dua kapal ini berlaku tiga hari selepas Tentera Jepun melancarkan serangan ke atas Pearl Harbour.

BANTUAN PENDIDIKAN

PROGRAM TUTOR ANAK-ANAK *THE NAVY PEOPLE*

ANJURAN BAKAT LAUT

Oleh: Kdr Syazmihizna Saharani TLDM

Foto: PW II KOM Shapilin Dolmat

Pada 18 Mac 2017, BAKAT Laut telah menerima peruntukan khas *one off* bagi kegunaan Pelan Transformasi BAKAT yang bertujuan untuk memastikan kebaikan warga serta keluarga ATM sentiasa terpelihara. Justeru itu satu arahan khas telah dikeluarkan untuk memberi panduan kepada setiap BAKAT Perkhidmatan dalam memastikan tadbir urus kewangan menjurus kepada aspek kebaikan, pendidikan, sosial, keagamaan dan keusahawanan.

Pengurusan Tertinggi BAKAT Laut telah memutuskan di dalam Mesyuarat Penggal Pertama 2019 untuk membelanjakan sebahagian dari peruntukan tersebut peningkatan pendidikan anak-anak *the Navy People* yang berpendapatan seisi rumah rendah melalui Program Tutor atau Kelas Bimbingan khas untuk calon-calon peperiksaan utama seperti UPSR, PT3 dan SPM.

Program ini telah mendapat sambutan baik di kalangan *the Navy People* yang terdiri daripada ibu bapa yang mempunyai anak-anak bakal menghadapi peperiksaan. Setakat ini, terdapat 3 kawasan yang telah melaksanakan program tutor di bawah tanggungan peruntukan BAKAT Laut iaitu (Sentral) Kuala Lumpur, Pangkalan TLDM Kota Kinabalu dan Pangkalan TLDM Markas Wilayah Laut 3. Terbaru, di Markas Wilayah Laut 2 di Sandakan juga bakal mengadakan program tutor bagi 29 orang anak warganya.

Sehingga kini jumlah anak-anak *the Navy People* yang telah menjalani program tutor di bawah tajaan BAKAT Laut ini berjumlah 110 calon UPSR, 48 calon PT3 dan 24 calon SPM.

Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Laut, Datin Maslina Ismail menyatakan rasa syukur beliau dengan sambutan yang diberi oleh ibu bapa. Harapan beliau adalah semoga inisiatif ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh kesemua calon peperiksaan dan usaha ini memberikan hasil yang positif kepada anak-anak *the Navy People*.





PROGRAM TAMUNITA SEMPENA LIMA'19

Oleh: Kdr Syazmihizna
Saharani TLDL

Foto: Cawangan
Komunikasi Strategik

LIMA'19 telah berlangsung di Pulau Langkawi pada 26 hingga 30 Mac 19. Jawatankuasa Induk LIMA'19 sekali lagi telah memberi mandat kepada TLDL untuk menerajui pelaksanaan aktiviti Segmen Maritim. AJK Tamunita merupakan salah satu Jawatankuasa yang telah dipertanggungjawabkan untuk mengelola pelaksanaan Program Tamunita untuk para isteri kepada Ketua dan Wakil Ketua Delegasi Tentera Laut luar negara.

Aktiviti selama dua hari iaitu pada 26 dan 27 Mac 2019, disediakan untuk 5 tamunita dari Bangladesh, Indonesia, Brunei, Pakistan dan Amerika Syarikat. Pada hari pertama, rombongan delegasi bersama 10 ahli BAKAT Laut yang diketuai oleh Pengurus Jemaah Tertinggi BAKAT Laut iaitu Datin Maslina Ismail telah dibawa melawat ke Kota Mahsuri dan Kompleks Kraf. Di Kota Mahsuri, rombongan telah diberi penerangan mengenai sejarah dan asal usul Mahsuri dan Pulau Langkawi serta melihat demonstrasi masakan kuih tradisional dan persembahan teater. Manakala di Kompleks Kraf, rombongan diberi penerangan mengenai kaedah mencanting batik dan hasil produk Malaysia serta kaedah pembuatan kristal. Para tamunita juga telah diberi peluang untuk mewarna lukisan batik yang disediakan.

Pada hari kedua, rombongan telah dibawa bersiar-siar di pulau-pulau sekitar Langkawi menggunakan bot Catamaran.





ANJAKAN PARADIGMA PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Oleh: Lt Kdr Mohamad Badri bin Muhamad Zaini TLDM

Aspek pengajian tinggi dalam TLDM dilihat sebagai satu medium peningkatan modal insan bagi melahirkan *the Navy People* yang berilmu, berkeyakinan tinggi, berfikiran inovatif dan berdaya saing dalam menyumbang kepada kecemerlangan TLDM. Cawangan Pembangunan Sumber Manusia, Bahagian Sumber Manusia sedang mempergiat usaha untuk meningkatkan taraf akademik *the Navy People*.

Berdasarkan statistik, tahun 2016 hingga 2018 mencatatkan jumlah keseluruhan seramai 43 pegawai TLDM telah ditaja untuk melanjutkan pengajian di beberapa buah universiti tempatan. Bermula tahun 2019, seramai 14 orang pegawai telah melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah. Jumlah ini dijangka akan meningkat menjelang akhir tahun 2019 melalui tawaran pengajian secara sepenuh masa dengan pembiayaan sepenuhnya oleh perkhidmatan.

Usaha berterusan TLDM dalam memastikan peningkatan taraf akademik *the Navy People* telah dibuktikan melalui penajaan warganya yang sedang melanjutkan pengajian melalui Program Pengajian KFORCE. Walaupun *Memorandum of Agreement* (MoA) bersama UNITAR International University (UNITAR) telah tamat pada September 2017, namun penajaan pengajian masih dilaksanakan berdasarkan terma dan syarat yang termaktub di dalam MoA. Selain itu, TLDM juga telah mengambil inisiatif mewujudkan Program KEEL (Knowledge Empowerment through Enhancement Learning) yang merupakan program pengajian *Master of Business Administration* (MBA) secara separuh masa dengan pembiayaan sendiri bersama beberapa buah universiti tempatan. Program pengajian MBA ini menawarkan kos pengajian yang menarik dan lebih rendah berbanding pasaran.

Inisiatif dan hasrat murni *the Navy People* yang memohon untuk meneruskan pengajian secara separuh masa dengan pembiayaan sendiri demi peningkatan taraf akademik sentiasa diberikan galakan

dan sokongan oleh TLDM. Bantuan pinjaman tanpa faedah akan diberikan kepada *the Navy People* yang memerlukan melalui pinjaman Tabung Pinjaman Akademik dan Pengajian Tinggi Angkatan Tentera (TAPAT) oleh Jabatan Arah Pendidikan ATM.

Peningkatan taraf akademik bagi anggota LLP tidak pernah diketepikan malah turut menjadi keutamaan oleh TLDM. Buat masa kini, kerjasama dilaksanakan di antara TLDM dan institut pengajian tinggi tempatan iaitu Management & Science University (MSU), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) bagi program pengajian Diploma anggota LLP Cawangan Bekalan dan Urusetia. Perancangan pelaksanaan program pengajian Diploma bagi anggota LLP Cawangan Pelaut juga sedang dibangunkan bersama UPNM yang dirancang bermula pada 2021.

Program pengajian yang disediakan wajar direbut oleh *the Navy People* untuk peningkatan taraf akademik yang seterusnya akan membantu kemajuan kerjaya mereka. Selain itu, ianya sebagai persediaan bagi *the Navy People* untuk mengharungi kerjaya kedua dan kehidupan luar apabila bersara kelak. Peningkatan taraf akademik untuk *the Navy People* dalam semua lapisan pangkat juga dilihat dapat meningkatkan kualiti modal insan.

Selamat Menyambut Hari TLDM



ke
85

**ARMADA SIAGA
TLDM PERKASA**



LEKAS MEMPERKASA SUKAN TLDM

Oleh: Lt Kdr Mohd Firdaus Abdul Rahim TLDM
Foto: LEKAS TLDM

TLDM sentiasa digeruni oleh perkhidmatan lain kerana sentiasa mempersempahkan prestasi yang terbaik dan memberi saingan yang amat sengit dalam setiap acara yang dipertandingkan pada Kejohanan Sukan Antara Perkhidmatan (ISG) ATM yang diadakan setiap tahun. Pada tahun 2018, TLDM telah dinobatkan selaku juara keseluruhan ISG ATM kali ke-11 berturut-turut.

Bagi meneruskan pencapaian cemerlang sukan TLDM, pelbagai inisiatif telah diambil oleh LEKAS TLDM bagi memastikan semua persatuan sukan TLDM sentiasa komited untuk mencapai keputusan yang cemerlang sama ada di

peringkat ATM, kebangsaan dan antarabangsa.

1 Inisiatif yang pertama adalah menyusun strategi dan taktik yang mantap di peringkat awal sebelum kejohanan ISG ATM bermula. Semua persatuan sukan dikehendaki memberi penumpuan dan penekanan terhadap peningkatan kecerdasan, kemahiran dan teknik para atlet. Tim pengurusan persatuan juga disarankan untuk turun padang bagi memberi sokongan moral kepada atlet masing-masing.

2 Inisiatif yang kedua adalah memastikan semua persatuan sukan sentiasa mencari bakat baharu di kalangan warga TLDM yang betul-betul layak serta berpotensi untuk mewakili TLDM di peringkat ATM, kebangsaan dan

antarabangsa. Terdapat beberapa atlet TLDM yang telah dipilih mewakili negara di beberapa kejohanan antarabangsa seperti Sukan SEA dan Sukan Asia. Antaranya adalah Laskar Kanan Irwandie Lakasek yang mewakili negara dalam acara lumba basikal dan Laskar Kelas Satu Saritha Cham Nong yang mewakili negara dalam acara memanah.

3 Menggalakkan persatuan sukan mengadakan latihan bersama kelab negeri bagi meningkatkan mutu dan kemahiran pasukan TLDM adalah inisiatif yang ketiga. Persatuan sukan juga digalakkan mengadakan perlawanan persahabatan dengan persatuan luar sebagai salah satu cara bagi menambah pengalaman selain membantu pasukan membentuk persefahaman yang mantap di kalangan atlet.



4 Selain itu, pemberian skim incentif sukan kepada atlet yang mencapai kemenangan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa adalah inisiatif keempat untuk memberi motivasi dan meningkatkan lagi prestasi atlet tersebut. Pemberian incentif ini sudah pasti akan menarik minat serta menyuntik semangat kepada atlet untuk memperolehi kejayaan yang lebih baik lagi dalam setiap acara yang disertainya pada masa akan datang.

5 Inisiatif yang kelima adalah mengadakan Majlis Anugerah Kecemerlangan Sukan TLDM setiap tahun bagi menghargai dan mengiktiraf semua persatuan sukan dan atlet yang telah mengharumkan nama TLDM di peringkat ATM, negara dan

antarabangsa. Pemilihan penganugerahan dibuat berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan di dalam Perlembagaan LEKAS TLDM. Antara anugerah yang diberikan adalah Persatuan Sukan Terbaik, Olahragawan, Olahragawati dan Tokoh Sukan TLDM.

6 Inisiatif yang keenam dan terakhir adalah menyalurkan peruntukan kewangan yang mencukupi kepada semua persatuan sukan setiap tahun bagi membolehkan tim pengurusan mempunyai dana yang cukup untuk menampung semua aktiviti mereka. Selain itu, wang saguhati turut diberikan oleh LEKAS TLDM kepada persatuan sukan yang menujuari Kejohanan ISG ATM sebagai insentif dan motivasi untuk membakar semangat untuk berjaya.

Tidak dinafikan, sukan adalah salah satu medium bagi menghasilkan modal insan yang sihat dan mempunyai semangat berpasukan yang tinggi. Melalui inisiatif yang dilaksanakan oleh LEKAS TLDM, persatuan sukan diharap mampu untuk terus meningkatkan prestasi dan mutu pencapaian mereka. Semoga kecemerlangan sukan akan terus mengharumkan nama TLDM, ATM dan negara.



ELAK RISIKO MAUT

DENGAN SARINGAN AWAL PSIKOLOGI
SELAM SKUBA

Oleh: Kol (Dr) Lotfi bin Anuar,
Pakar Psikiatri HATWKK
dan Penyelam Rekreasi Berdaftar NAUI

Tidak banyak kajian yang dilakukan bagi menilai perkaitan antara penyakit psikologi dengan aktiviti selam skuba. Hasil dari pemerhatian penulis, artikel diharap dapat memberi panduan kepada divemaster dan jurulatih selam dalam menyaring bakal penyelam sama ada mereka layak menyelam atau tidak dari sudut perubatan.

Kita semua maklum tentang kewujudan beberapa jenis penyakit seperti kemurungan, kerisauan, psikosis, serangan panik dan ketagihan dadah. Meskipun begitu, ada antara mereka yang mempunyai masalah ini boleh menikmati aktiviti selam skuba dengan baik kerana mereka masih boleh mematuhi prosedur keselamatan bawah air.

Oleh yang demikian, amatlah penting bagi jurulatih untuk melaksanakan ujian saringan kepada bakal penyelam. Jurulatih perlu memberi perhatian kepada beberapa perkara termasuklah personaliti bakal penyelam, keupayaan mereka membuat keputusan dan kesan ubat-ubatan yang mereka ambil sebelum menyelam.

Pemerhatian terhadap personaliti individu adalah amat penting kerana sifat mudah cemas cenderung untuk mendapat serangan panik semasa berada di bawah air. Serangan panik amat bahaya kerana boleh menyebabkan lemas, kecederaan paru-paru akibat *overexpansion* dan kematian.

Lebih dari separuh penyelam skuba melaporkan bahawa mereka pernah mendapat serangan panik semasa menyelam. Bagi penyelam baru, panik boleh berlaku apabila topeng menyelam dimasuki air atau ketika *regulator* tercabut. Bagi penyelam berpengalaman, keadaan seperti terbelit tali,



kehabisan udara atau terserempak dengan makhluk air merbahaya juga boleh menyebabkan panik.

Apabila penyelam mengalami panik, mereka berkemungkinan akan lupa langkah-langkah keselamatan yang telah dipelajari. Sebagai contoh, sekiranya *regulator* mengalami masalah, aliran udara tersekat dan seterusnya akan mencetuskan keadaan panik. Penyelam yang panik akan cenderung untuk naik ke permukaan air secara tiba-tiba. Ini boleh menyebabkan komplikasi bahaya yang dipanggil *arterial embolism* (kehadiran gelembung udara di dalam saluran darah). Sedangkan pada waktu itu penyelam sebenarnya masih mempunyai alat keselamatan tambahan seperti botol *ponny* dan *buddy* penyelam di sebelah untuk naik ke permukaan secara perlahan-lahan.

Seseorang berpersonaliti cemas cemas kategori teruk perlu dikekualikan daripada aktiviti selam. Tetapi sekiranya mereka berhasrat juga, mereka perlu diberi penjelasan penuh tentang risiko yang bakal dihadapi dan latihan mereka perlulah dipantau dengan teliti. Pengambilan alkohol sama seperti memandu kereta, boleh meningkatkan risiko kemalangan. Pengambilan ubat-ubatan pula, sekiranya dilabel merbahaya untuk tugas memandu perlulah dikira merbahaya juga untuk aktiviti menyelam.



Malah, maklumat sejarah lampau individu seperti pernah mengalami trauma akibat lemas juga perlu diperolehi jurulatih sebelum proses pembelajaran bermula.

Ini kerana mereka juga mudah mendapat serangan panik. Walau bagaimanapun, hal sebegini bukanlah faktor penghalang untuk membenarkan mereka menyelam. Jurulatih perlu memberi motivasi serta pendedahan secara beransur-ansur bergantung kepada penilaian jurulatih selam.

Fobia pula ialah sejenis penyakit ketakutan melampau terhadap sesuatu objek atau keadaan. *Claustrophobia* sejenis ketakutan terhadap tempat terkurung akan menghalang penyelam untuk turun ke bawah air atau masuk ke dalam *recompression chamber*. Penyelam yang mempunyai agoraphobia (ketakutan kepada tempat sesak) pula boleh menyebabkan keadaan yang dipanggil sindrom *blue dome*, keadaan di mana penyelam gagal membezakan antara permukaan dan dasar air semasa menyelam.

Setiap bakal penyelam perlu dinilai secara individu sebelum mereka disahkan layak untuk dibawa ke bawah air. Adalah menjadi tanggungjawab bakal penyelam untuk memberitahu segala maklumat perubatan mereka kepada jurulatih. Mereka perlu tahu bahawa sekiranya kemalangan berlaku, ia akan memberi impak besar sehingga boleh mengakibatkan kehilangan nyawa.

BUAT

- Bawa penyelam ke tempat tiada orang memerhati
- Bawa penyelam ke tempat tiada orang memerhati
- Beritahu penyelam apa yang dilalui adalah normal dan bukanlah teruk seperti disangka
- Jika penyelam mahu bersendiri, tinggalkan dan beritahu anda akan tunggu berhampiran
- Jauhkan objek tajam dari penyelam kerana sesetengah penderita cenderung mencakar dirinya sendiri sekiranya mengalami serangan panik
- Setiap orang mempunyai individu yang dia rasa selesa untuk didampingi. Cari orang tersebut dan minta dia untuk temankan

JANGAN BUAT

- Jangan beritahu penyelam untuk bertengang. Ini akan memburukkan keadaan
- Jangan tinggalkan penyelam borseorangan sehingga tenang
- Jangan beri objek tajam kepada penyelam
- Jangan sentuh penyelam jika dia tidak mahu disenjutuh
- Tidak perlu panggil 999 jika tidak lemas
- Jangan tanya apa yang membuatkan penyelam panik
- Jangan letakkan penyelam di dalam bilik terkurung, sesak dengan orang ramai atau bising

INISIATIF BAHAGIAN PASUKAN SIMPANAN TLDM

E-LEARNING

E-learning adalah satu sistem yang membantu anggota PSSTLDM mendapatkan rujukan serta melakukan pembelajaran secara dalam talian. *E-learning* juga membantu BPS TLDM mendapatkan maklumat anggota PSSTLDM secara terus berdasarkan maklumat pendaftaran *E-learning*. *E-learning* dibangunkan bersama Rancangan Latihan dan keperluan Latihan Berterusan. Bagi pegawai PSSTLDM ber pangkat Leftenan, *e-learning* boleh dijadikan sebagai bahan ulangkaji untuk peperiksaan kenaikan pangkat ke Leftenan Komander PSSTLDM. Pada masa sama, jurulatih juga boleh memanfaatkan *e-learning* sebagai Alat Bantu Mengajar.

LATAR BELAKANG

Dibangun berdasarkan *Learning Management System* (LMS)

IMPLIKASI KEWANGAN

Dibangun oleh pegawai PSSTLDM. Hanya pembayaran menggunakan Elaun LB

PELAN TINDAK

Modul BPCC telah lengkap. Semua peserta perlu mendaftar.



HASIL E-LEARNING

1. Fleksibel.
2. Konsisten.
3. Pengukuran aktiviti dan ROI.

E-LEARNING

Menyediakan pembelajaran secara maya yang mampu diakses oleh semua anggota PSSTLDM tanpa mengira masa dan tempat.

KANDUNGAN

1. Paket *E-learning* meliputi teori, video dan kuiz tugas pada akhir kursus.
2. Merangkumi semua silibus bagi 6 kursus utama.
3. Mengandungi 2000 soalan.

Oleh: Lt M Nur Dini Hazirah binti Mohd Ariffin
PSSTLDM

Sepanjang 85 tahun penubuhan Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Diraja (PSSTLDM) yang bermula dengan Pasukan *Straits Settlements Naval Volunteer Reserve* (SSNVR), telah banyak melahirkan masyarakat awam yang berbakti kepada negara amnya dan TLDM khususnya dalam menyumbang kepakaran dan tenaga bagi memastikan keselamatan perairan terpelihara. Dalam tempoh ini juga pelbagai cabaran dan dugaan dihadapi bagi memastikan PSSTLDM kekal relevan dan mampu diharapkan apabila diperlukan.


Dalam usaha meningkatkan kualiti anggota PSSTLDM, terdapat lima inisiatif diperkenalkan oleh Bahagian Pasukan Simpanan (BPS) TLDM. Antara inisiatif yang diperkenalkan adalah *E-learning*, *Onboard Training Programme* (OTP), *Reservist Support Programme* (RSP), *Digital Biometric Attendance System* (D-BAS) dan *Virtual Engagement* (VE).

ONBOARD TRAINING PROGRAMME (OTP)

OTP merupakan inisiatif terbaru yang memberi lebih peluang kepada anggota PSSTLDM menjalani latihan secara praktikal di kapal-kapal TLDM. Peserta OTP juga berpeluang mengikuti pelayaran-pelayaran TLDM. Inisiatif terbaru ini dapat mengatasi kekurangan tenaga jurulatih di unit PSTLDM selain memberi pengalaman sebenar pekerjaan dan kehidupan di kapal kepada anggota PSSTLDM. Sejajar dengan pembangunan sistem *e-learning*, peserta OTP dapat menjadikan *e-learning* sebagai rujukan pembelajaran dan keperluan penyertaan OTP juga akan dihebahkan melalui aplikasi ini.

RESERVIST SUPPORT PROGRAMME (RSP)

Reservist Support Programme (RSP) adalah satu inisiatif yang bertujuan untuk membolehkan pegawai PALAPES yang telah ditauliahkan kembali aktif. Kaedah pelaksanaan adalah dengan menawarkan Latihan Berterusan selama 3 bulan di unit-unit PSTLDM. Latihan ini membolehkan unit dan anggota PSSTLDM membuat pertimbangan sebelum memasuki kerahan sepenuh masa. Ketika ini sebanyak 34 perjawatan telah diisi oleh anggota PSSTLDM.



DIGITAL BIOMETRIC ATTENDANCE SYSTEM (D-BAS)

D-BAS adalah sistem terbaru yang dinaiktaraf daripada sistem BiDAS sebelum ini yang bersifat tunggal (stand alone). Sistem ini memfokuskan rekod kehadiran yang boleh diakses oleh anggota, unit PSTLDM dan BPS TLDM. Dengan penambahbaikan ini, unit akan lebih terpantau dan integriti anggota PSSTLDM dapat ditingkatkan.

VIRTUAL ENGAGEMENT (VE)

Pada masa kini, Aplikasi Google Meet merupakan medium terbaik untuk melaksanakan inisiatif terbaru BPS iaitu VE. VE direalisasikan melalui sidang video Pengarah Pasukan Simpanan bersama PS dan PKor di unit-unit naungan. Melalui sidang video ini mesyuarat secara atas talian dapat dilakukan pada setiap minggu. Fokus perbincangan adalah mengenai rancangan latihan dan isu-isu berbangkit sepanjang latihan dijalankan. Pada masa sama, PM, PS dan Pkor boleh menggunakan aplikasi ini untuk berbincang bersama Pengarah apabila memerlukan perhatian dan maklum balas segera tanpa perlu hadir ke Pejabat BPS TLDM.

- Pengurangan Kos
- Penjimatkan Masa



SIDANG VIDEO BULANAN

Sidang Video bersama PM dan PS



MINGGUAN

Sidang Video bersama PS dan PKor



- Berimpak Tinggi
- Efisyen
- Inisiatif



LENCANA KEPAKARAN

DIANUGERAHKAN KEPADA PEGAWAI BEKALAN DAN URUS SETIA

Oleh: Lt Kdr Nor Melissa binti Yayanto TLDM

Lakaran sejarah tercipta bagi Cawangan Bekalan dan Urus Setia TLDM apabila lencana kepakaran Bekalan dan Urus Setia diluluskan untuk disematkan sebagai manifestasi pengiktirafan pengurusan TLDM kepada mereka.

Anugerah lencana kepakaran ini dikurniakan kepada pegawai Bekalan setelah menghadiri Kursus Lanjutan Bekalan dan diterima sebagai ahli *Chartered Institute of Logistics and Transport Malaysia* (CILTM).

Sehingga kini seramai 96 Pegawai Bekalan dan Urus Setia TLDM layak telah menerima lencana tersebut.



Panglima Tentera Laut menyematkan Lencana Kepakaran Bekalan dan Urus Setia kepada Asisten Ketua Staf Materiel pada 7 Mac 2019.

TLDL DAN HIDUP ANJUR PROGRAM JIWA MURNI

Oleh: BK TLR Mohd Samsul Ridzuan

Foto: LK I TLR Strikalai Mannan a/l Istriram

TLDL dengan kerjasama *Habitat for Indigenous and Urban Program* (HIDUP), sebuah organisasi bukan kerajaan (NGO) dan beberapa persatuan yang lain telah mengadakan aktiviti gotong-royong membersihkan bangunan yang bakal dijadikan sebagai Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Teng Bukap, Padawan, pada 7 April 19. Bangunan tersebut telah diserahkan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kepada HIDUP untuk dioperasikan sebagai PPDK Teng Bukap dalam masa terdekat.

Selain warga Pejabat Wakil Tentera Laut (PWTL) Kuching termasuk pegawai dan anggota PSSTLDM, penduduk kampung dan beberapa ahli persatuan NGO serta kelab motosikal juga turut melibatkan diri dalam program ini. Pemilik Jangoi River Lodge yang dimiliki penduduk tempatan di lokasi berhampiran turut menyumbang dari segi sajian termasuk menu tradisional 'ayam pansoh' sebagai tanda penghargaan kepada pihak yang terlibat di dalam program tersebut.

Turut hadir semasa program tersebut, Pegawai Operasi Tim Nukleus MAWILLA 4 merangkap



Pegawai Staf PSTL Kuching, Lt Kdr Ryandal Adrian Andreas TLDM yang menyelaras aktiviti tersebut bersama wakil persatuan NGO yang terlibat. Kerja gotong-royong merangkumi pembersihan kawasan bangunan, memotong rumput dan pembuangan sampah, sebelum diserahkan kepada pihak kontraktor untuk diubahsuai menjadi pusat kebajikan.

Program seumpama ini memberi peluang kepada *the Navy People* untuk mendekati masyarakat awam. Melalui interaksi sebegini, *the Navy People* dapat mempromosikan TLDM sebagai sebuah organisasi yang profesional sambil mempromosikan Hari TLDM ke-85 yang bakal disambut pada 27 April.



MILITARY ARCHEOLOGY: PENDEDAHAN BAHARU BUAT TLDM

Oleh: PW I PBS(I) Mohammad Noor Sabirin Mohd Mohyi

Arkeologi Ketenteraan (Military Archeology) merupakan satu bidang baru di Malaysia lantaran kurangnya penerokaan dari segi penguatkuasaan, pengamal dan peruntukan perundungan berkaitan artifak ketenteraan ataupun *war relic*. Walau bagaimanapun, kerjasama Angkatan Tentera Malaysia dengan badan kerajaan dalam penyelidikan arkeologi telah giat dilaksanakan terutamanya oleh Muzium Tentera Darat sehingga kini.

Pada 25 Februari sehingga 7 April 2019 yang lalu, buat pertama kalinya Jabatan Sejarah Maritim, PUSMAS TLDM (*RMN Sea Power Centre*) telah menghantar 6 orang pegawai dan bintara untuk mengikuti Kursus Asas Arkeologi yang dianjurkan oleh Muzium Tentera Darat dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Arkeologi Global Universiti Sains Malaysia (PPAG USM). Kursus ini dilihat sebagai peluang keemasan memandangkan TLDM belum pernah terlibat secara aktif dalam sebarang penyelidikan arkeologi dan ini juga sebagai langkah persediaan bagi pembangunan Muzium TLDM kelak. Objektif pengajuran kursus ini adalah bagi memberikan pendedahan, pengetahuan, kemahiran, dan melatih peserta untuk mentadbir, mengurus artifik dan melaksanakan prosedur arkeologi dengan baik.

Pelaksanaan kursus ini bermula dengan pembelajaran teori asas selama seminggu di Muzium Tentera Darat, Port Dickson dan seterusnya peserta kursus mengaplikasikannya di tapak arkeologi di Fort Cornwallis, Padang Kota Lama, Pulau Pinang. Peserta kursus didedahkan dengan kemahiran melakukan tinjauan, ekskavasi, pemetaan, perekodan dan pensampelan. Sepanjang penugasan, pelbagai jenis artifik peninggalan era penjajahan British dan Jepun berjaya ditemui antaranya duit syiling tahun 1900, kelongsong peluru, serpihan peluru meriam dan peralatan besi.

Pelaksanaan kursus ini membuka peluang bagi TLDM untuk meneroka bidang arkeologi bagi pemeliharaan artifik dan sejarah TLDM di samping menyumbang dalam pembangunan penyelidikan warisan negara.

SEMINAR PEGAWAI BEKALAN & URUS SETIA 2019 PERKASA MINDA, PERKUKUH UKHWAH

Oleh: Lt Kdr Norma Hanim binti Pandak Mahashim TLDM.

Pada 13 hingga 15 Februari yang lalu, Bahagian Materiel, Markas Tentera Laut telah menganjurkan Seminar Pegawai Bekalan dan Urus Setia 2019. Seminar dilaksanakan di Auditorium Venus, Markas Pemerintahan Pendidikan dan Latihan TLDM, Pangkalan TLDM Lumut. Seminar yang berlangsung selama 3 hari ini telah dihadiri 200 Pegawai Cawangan Bekalan & Urus Setia dan telah dirasmikan oleh Panglima Armada Barat.

Antara pengisian seminar adalah:

I Ceramah berkaitan Fungsi dan Peranan Pegawai Bekalan & Urus Setia yang disampaikan oleh Laksamana Pertama Affenddy bin Suhami.

II Ceramah berkaitan Konsep *Just in Time* (JIT) & *Just in Case* (JIC) yang telah disampaikan oleh Prof Madya Rozita binti Husin dari Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

III Ceramah Kerohanian bertajuk Amanah, Integriti dan Profesionalisme Dari Perspektif Ketenteraan disampaikan oleh Pensyarah Sel Syariah dari Institut Latihan dan Kefahaman Islam ATM, Kapt Syed Mohd Akhirudin bin Syed Yahya.

IV Sesi Dialog bersama mantan Asisten Ketua Staf Materiel iaitu Laksamana Muda Datuk Annuwar bin Mad Said (Bersara).

V Executive Talk Asisten Ketua Staf Materiel Laksamana Muda Datuk Hj Mohd Ridzuan bin Hamzah.

Satu pembentangan Kertas Kerja berkaitan Konsep JIT & JIC turut dibuat bagi melihat kesesuaian konsep ini untuk dilaksanakan oleh TLDM. Selain dari itu, 10 pegawai dari Cawangan Eksekutif dan 20 pegawai dari Cawangan Kejuruteraan turut dijemput bagi mendengar serta memberi pendapat berkaitan pembentangan ini.

Dengan pengajuran seminar ini, ianya diharap berjaya memberi kefahaman dan kesedaran yang mendalam kepada Pegawai Bekalan & Urus Setia terhadap fungsi dan peranan mereka dalam menyokong pembangunan dan pengoperasian TLDM. Selain dari itu juga, melalui perkongsian idea dan pengalaman, dapat merapatkan jurang antara satu sama lain demi membina satu pasukan yang lebih kukuh dan harmoni.

MI GORENG MAMAK 'GAGAH' SIGNATURE DISH PENAMBAT SELERA

Oleh: PW I PRL Normahaily Mohd Nor

Foto: BM TLR Suhairi Mohamed Ali

Mi goreng mamak 'Gagah' memang terbaik. Nampak *simple* tetapi ia mempunyai keunikan rasa yang tersendiri, sungguh enak dan aromanya begitu luar biasa!

Penulis agak teruja melihat aksi Ketua Tukang Masak KD GAGAH SAMUDERA, Bintara Muda Bendari (BDI) Mohd Azhar Mahamud menyiapkan menu pagi itu. Tangannya cukup lincah, seperti menari-nari di atas *braising pan*. Aromanya membuatkan warga kapal tidak sabar untuk menikmati menu istimewa yang menjadi *signature dish* kapal itu.

"Mi goreng mamak ini telah dimodenkan dan ditambah baik dari segi ramuannya," ujar Mohd Azhar menceritakan rahsia masakan istimewanya itu.

Pegawai Bekalan kapal, Lt Kdr Norma Mahmood TLDM mengakui bahawa Mi Goreng Mamak Gagah bukan sahaja digemari oleh warga kapal malah turut disajikan kepada tetamu, seringkali atas permintaan tetamu itu sendiri.

BAHAN-BAHAN

Isi ayam	Sos tomato
Udang	Sos cili
Sotong	Sos tiram
<i>Fish ball</i>	Tauge
<i>Fish cake</i>	Kucai
Mi kuning	Timun
Bawang merah	Lobak merah
Bawang putih	Tomato
Cili kering	Cili jeruk
Lada hitam	Kicap pekat manis
Rempah kari	
Telur	



CARA PENYEDIAAN

1. Tumis bawang merah dan cili kering.
2. Masukkan ayam dan udang kemudian masukkan serbuk kari daging, sos cili, sos tiram dan kicap pekat manis.
3. Masukkan mi kuning dan gaul rata, seterusnya masukkan kentang yang digoreng, cucur bawang dan kacang tanah yang ditumbuk.
4. Pecahkan telur dan taburkan secubit garam serta serbuk perasa.
5. Akhir sekali masukkan timun, lobak yang disagat halus, kucai dan tauge. Hiaskan untuk dihidang.



HIASAN

Daun sup
Daun bawang
Bawang goreng
Tomato ceri
Timun
Cili hijau
Cili merah
Limau nipis

CARI 10 BENDA TERSEMBOUNGI

KAPAL SELAM, MISIL, SEAMAN CAP, SUPER LYNX, SAUH, LIFEBOUY, WHEEL, BOATSWHAIN CALL, HI TECH BOOT, LENCANA SUBMARINE.



Cuit-cuit

PENING

Ada 3 sekawan bernama Gaduh, Gila & Bendul. Ditakdirkan Gaduh hilang. Bendul pun membuat laporan polis.

- Bendul:** Encik, saya nak cari Gaduh.
Polis: Errr, apa??? Awak ni Gila ke?
Bendul: Uiiik..... mana encik tahu kawan saya Gila?
Polis: Adoiii.....apa la si Bendul ni nak ?
Bendul: Saya memang Bendul. Tapi saya nak cari Gaduh !
Polis: @%&#@%

NOTA

Abang...
bangun...
hari ini abang
ada mesyuarat
penting dengan
Lembaga
Pengarah”

Sepasang suami isteri bermasam muka dan tidak mahu bercakap antara satu sama lain. Malam itu si suami menyelitkan nota di jari isterinya yang sedang tidur supaya mengejutkannya awal untuk ke pejabat kerana ada mesyuarat penting.

Keesokan harinya.

Suami: Hahhhh!!!! Dah pukul 9??!! Anaaaaaaa.... kenapa tak kejut abang????

Isteri: Kan saya dah kejut. Tengok la nota kat tangan abang tu.


Si suami membaca nota tersebut yang berbunyi “Abang...bangun...hari ini abang ada mesyuarat penting dengan Lembaga Pengarah.”

GELABAH

Suatu hari di dalam sebuah kapal terbang terdapat 2 orang penumpang iaitu seorang *businessman* dan seorang budak sekolah.

Sedang mereka menuju ke Langkawi tiba-tiba enjin kapal terbang tersebut rosak menyebabkan pesawat tidak dapat dikawal. Maka juruterbang segera mencari beg payung terjun di tempat letak barang tetapi malangnya hanya terdapat dua beg payung terjun sahaja... *Businessman* menggelabah dan terus mengambil satu beg lalu terjun ke luar pesawat... Budak sekolah tadi menjerit...

- Budak Sekolah:** Nanti dulu!!!
Juruterbang: Kenapa dik?
Budak Sekolah: Orang tu ambil beg sekolah saya!!!



'SAUDARA KITA'

Pada satu petang, si ibu membawa anaknya berusia 4 tahun bersiar-siar menaiki kereta. Dalam perjalanan si ibu membunyikan hon.

- Anak:** Kenapa ibu bunyikan hon dan siapa orang tu bu?
Ibu: Tu saudara kita, kenalah hormat.

Dalam perjalanan, seterusnya mereka terserempak dengan seekor lembu yang hendak melintas lalu si ibu membunyikan hon.

Anak: Itu pun saudara kita jugak ke?



SYSTEM CONSULTANCY SERVICES SDN BHD

Your Thinking Company

System Consultancy Group of Companies:



SCS Engineering Services Sdn Bhd
(394181-H)

Specializing in MRO ecosystem that
transform from product to
service centric organization



DK Composites Sdn Bhd
(448908-X)

Design and Fabrication of
Advanced Composites materials
for Architectural, Marine,
Automotive and Aerospace Industries



Digital Aura (M) Sdn Bhd
(308286-T)

Project Management Solutions

Head Office:
System Consultancy Services Sdn Bhd (219906-U)
No. 36 Jln Wangsa Delima 6 Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC) 53300 Kuala Lumpur
Tel: +603 4149 1919 Fax: +603 4149 2121 Email: scshq@scs.my
www.scs.my



THE MFDM GROUP OF COMPANIES IS A MULTI-SECTOR SERVICE PROVIDER SPECIALISING IN THE MAINTENANCE, REPAIR & OVERHAUL OF DIESEL & GAS ENGINES, CUSTOMISED GENERATOR PACKAGING, REMANUFACTURING, ASSET MANAGEMENT, SUPPLY OF DIESEL & GAS ENGINES AND PRODUCT CODIFICATION.

WE HAVE THE EXPERIENCE AND EXPERTISE TO PROVIDE SERVICES PAR EXCELLENCE.

EXPERIENCE • EXPERTISE • EXCELLENCE

www.mfdm.com.my